**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**
**PUAN SHAREEFAH BINTI IBRAHIM,**
**ARTIS VETERAN ERA 70-AN**
**NGELAMAN BELIAU SEBAGAI PENYANYI ERA 70-AN**

**KHALILUL NISHAD BIN ABDULLAH**
**(2019475882)**
**SHAH NURFIKRIE BIN BAHARUDIN**
**(2019256498)**

**AKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**ESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN SHAREEFAH BINTI IBRAHIM, ARTIS VETERAN ERA 70-AN MENGENAI PENGELAMAN BELIAU SEBAGAI PENYANYI ERA 70-AN

KHALILUL NISHAD BIN ABDULLAH
(2019475882)
SHAH NURFIKRIE BIN BAHARUDIN
(2019256498)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022

## ISI KANDUNGAN


| | Isi Kandungan | M/S |
|---|---|---|
| | Abstrak | i-ii |
| | Penghargaan | iii-iv |
| | Senarai Abreviasi | v-vi |
| | Senarai Singkatan | vii-viii |
| | Rujukan Kata | ix-xi |
| 1.0 | Biodata penemubual | 1 |
| | 1.1 Penemubual Pertama | 2 |
| | 1.2 Penemubual Kedua | 3 |
| 2.0 | Biodata Tokoh | 4 |
| | 2.1 Biodata Tokoh | 5 |
| | 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh | 6 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | 7 |
| | 3.1 Pengenalan | 8 |
| | 3.2 Objektif Sejarah Lisan | 9 |
| | 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 9 |
| 4.0 | Kajian Literatur | 10 |
| | 4.1 Industri Nyanyian | 11 |
| | 4.2 Artis Veteran | 12 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Tokoh | 13-53 |
| 6.0 | Log Temubual | 54-60 |
| 7.0 | Glosari | 61-64 |
| 8.0 | Indeks | 65-66 |
| 9.0 | Bibliografi | 67-69 |
| 10.0 | Lampiran | 70 |
| | 10.1 Biografi Tokoh | 71 |
| | 10.2 Surat Perjanjian | 72 |
| | 10.3 Senarai Soalan | 73-78 |
| | 10.4 Diari Penyelidikan | 79-80 |
| | 10.5 Gambar dan bahan lain berkaitan | 81-82 |

## ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang artis veteran yang dahulunya pernah bergelar sebagai seorang penyanyi yang bersuara merdu. Beliau mulai aktif dalam bidang nyanyian seawal usianya belasan tahun. Dek kerana minat beliau terhadap bidang nyanyian, beliau telah menepis segala cabaran dan perspektif negatif dari kalangan penduduk sekitar, bahkan dari keluarganya sendiri. Beliau mula menyanyi pada ketika itu berumur 15 tahun pada tahun 1969. Pada awalnya, beliau memulakan karier nyanyian dengan mengikuti band-band di kampungnya, iaitu The Next of King. Setelah itu, rezeki menyebelahi beliau apabila beliau ditawarkan untuk pergi sesi ujibakat nyanyian iaitu Bakat TV dibawah seliaan RTM dan sekaligus ini menjadi batu loncatan untuk beliau menaikkan namanya. Setelah berjaya ke sesi ujibakat, beliau telah menyanyikan lagu Jepun dan ini menarik minat para penerbit RTM pada ketika itu.



*Kata kunci: The Next of King, Bakat TV, RTM, lagu Jepun, 1969.*



## ABSTRAK

This transcript discusses the experience of a veteran artist who once held the title of a melodious -voiced singer. He became active in the field of singing as early as the age of a dozen. Deck because of his interest in the field of singing, he has brushed aside all challenges and negative perspectives from the surrounding population, even from his own family. He started singing at the age of 15 in 1969. At first, he started his singing career by following the bands in his village, namely The Next of King. After that, rezeki sided with him when he was offered to go to the singing audition session for Bakat TV under the supervision of RTM and at the same time this became a stepping stone for him to raise his name. Having made it to the audition session, he sang a Japanese song and this attracted the interest of RTM publishers at the time.



*Keyword: The Next of King, Bakat TV, RTM, lagu Jepun, 1969.*

# PENGHARGAAN

**PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya dan kerana dengan taufik dan hidayat-Nya dapat juga transkrip ini diselesaikan akhirnya.

Kami ingin merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan ikhlas kepada pensyarah kami, iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian dan penyediaan transkrip ini.

Setinggi-tinggi penghargaan untuk ibu dan ayah kami serta ahli keluarga kami yang lain kerana tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan kami di dunia dan juga di akhirat. Dorongan kata-kata semangat dan sokongan dari segi moral dan kewangan daripada mereka terpahat kukuh di hati dan tidak akan dapat dilupakan sampai bila-bila.

Terima kasih juga kepada Puan Shareefah binti Ibrahim dimana beliau sanggup untuk ditemu ramah oleh kami. Pihak kami, terutamanya pihak UiTM Segamat ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada beliau kerana sudi untuk turut terlibat dalam menjayakan kerja kursus transkrip bagi subjek ini.

# SENARAI ABREVIASI

## SENARAI ABREVIASI

| | |
|---|---|
| FELDA | Federal Land Development Authority |
| ITM | Institut Teknologi MARA |
| KL | Kuala Lumpur |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| TV | Televisyen |
| RM | Ringgit Malaysia |
| FINAS | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia |

# SENARAI SINGKATAN

**SENARAI SINGKATAN**

| | |
|---|---|
| CD | Compact Disk read-only memory (Ingatan Baca Sahaja cakera padat) |
| EMI | Electromagnetic Interference |
| EP | Extended Play |
| K.N.A / KNA | KHALILUL NISHAD ABDULLAH |
| KUGIRAN | Kumpulan Gitar Rancak |
| LP | Long Play |
| P.R.O | Performance Rights Organization |
| S.N.F.B / SNFB | SHAH NURFIKRIE BAHARUDIN |
| Z.I / ZI | ZALIFAH IBRAHIM |
| KWSP | KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA |
| PPRT | PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN |

# RUJUKAN KATA

| | |
|---|---|
| Aje / je | Sahaja |
| Ambik | Ambil |
| Ambik port | Ambil tahu |
| Diorang | Mereka |
| Jugak | Juga |
| Kat | Dekat |
| Kasi | Beri |
| Kecik-kecik | Kecil-kecil |
| Lepastu | Selepas itu |
| Mendengo | Mendengar |
| Mintak | Minta |
| Nau | Benar |
| Ni | Ini |
| Sikit | Sedikit |
| Tak | Tidak |

| | |
|---|---|
| Takdelah | Tiada |
| Tah | Entah |
| Tu | Itu |

# BIODATA PENEMUBUAL

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



| | |
|---|---|
| **Nama** | **Khalilul Nishad bin Abdullah** |
| **Tarikh lahir** | **5 Oktober 1999** |
| **Tempat lahir** | **Hospital Kem Terendak, Melaka** |
| **Alamat** | **ST 1367, Jalan Rebana 1, Taman Seri Redan, 78300 Masjid Tanah, Melaka** |
| **No. Telefon** | **011-27379487** |
| **Emel** | **khalilulabdullah@gmail.com** |
| **Program** | **Pengurusan Rekod (IM246)** |

## 1.2 PENEMUBUAL KEDUA



| | |
|---|---|
| Nama | Shah Nurfikrie bin Baharudin |
| Tarikh lahir | 30 Oktober 1999 |
| Tempat lahir | Hospital Besar Melaka |
| Alamat | Batu 14 ¾ Jalan Permatang Serai, 77300 Merlimau, Melaka |
| No. Telefon | 017-2366517 |
| Emel | shahnurfikriebaharudin@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

# BIODATA TOKOH

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 BIODATA



| | |
|---|---|
| **Nama** | **Shareefah binti Ibrahim** |
| **Tarikh lahir** | **14 Oktober 1954** |
| **Tempat lahir** | **Kampung Datok Keramat** |
| **Alamat** | **No 16 Taman Rashidah Utama, 70450, Senawang, Negeri Sembilan.** |
| **No. Telefon** | **016-3649282** |

## 2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Nama sebenar beliau ialah Shareefah binti Ibrahim. Beliau memulakan kerjaya beliau pada umur 15 tahun iaitu pada tahun 1969. Beliau berasal daripada Kampung Datuk Keramat di Kuala Lumpur. Beliau memulakan kerjaya sebagai penyanyi bermula dengan menyertai kugiran di kampung beliau yang dinamakan sebagai The Next of King. Beliau juga pernah menyertai kumpulan kugiran sebanyak 3 kumpulan iaitu The Next of King, The Stallion dan Everyday People. Lalu beliau menyertai ujibakat yang di jalankan oleh pihak RTM dan beliau mendapat tempat kedua dalam pertandingan tersebut dengan mendendangkan lagu Jepun. Namun beliau mula kurang aktif dalam kerjayanya apabila berumah tangga.

# SEJARAH LISAN

# 3.0 SEJARAH LISAN

## 3.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejarah lisan dari segi biografi tentang seorang figura yang bergelar artis veteran di Malaysia. Sejarah lisan mengumpul fakta dan ulasan peribadi tentang kaitan sejarah melalui temu bual yang dirakam, menurut Donald Ritchie, (2003). Manakala menurut Rozeman (2004), sejarah lisan merupakan suatu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan melalui pengkisahan. A. Ghazali Usman (1983) pula mendefinisikan sejarah lisan sebagai pita rakaman wawancara tentang peristiwa yang dialami sendiri oleh pencerita. Justeru itu, kandungan pita rakaman tersebut berbentuk wawancara diantara penemu bual dan yang ditemu bual.

Kajian yang dijalankan adalah terhadap artis veteran. Artis adalah orang yang membuat atau mempraktikkan seni, baik dengan bakat semula jadi atau secara profesional. Artis berasal dari bahasa Latin *ars* atau *artis* yang menunjukkan keupayaan untuk melakukan sesuatu dengan akhiran *-Ista* menunjukkan profesion atau perdagangan. (Kamus Dewan Bahasa edisi Keempat, 2005) Selain itu, menurut Ramlah Ram (2018) beliau menyatakan bahawa veteran itu sendiri membawa maksud seseorang artis itu sudah bersara daripada bidang yang diceburinya. Manakala kamus Meriam Webbster menyatakan pula artis veteran itu adalah seseorang yang berpengalaman lama biasanya dalam sesuatu pekerjaan atau kemahiran seperti dalam bidang seni.

### 3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

- Kajian ini dilakukan kerana untuk mengkaji tentang isu susutnya nilai artis veteran.
- Kajian ini turut dilakukan kerana untuk mengkaji tentang isu Zalifah Ibrahim lebih seronok berniaga
- Kajian ini turut dilakukan kerana untuk mengkaji tentang isu kurangnya pendokumentasian tentang artis veteran

### 3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Sejarah lisan pula merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran tentang sesuatu fakta sejarah yang diperolehi.

Sumber lisan boleh dikategorikan kepada sebagai sumber utama dan sumber kedua. Lazimnya, sumber utamanya didapati daripada penyaksi-penyaksi atau orang-orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah itu. Kebanyakannya sumber lisan didapati melalui pertanyaan, temu duga atau perbualan yang dilakukan sendiri sepanjang penyelidikan. Mereka boleh memberi maklumat asal tentang peristiwa yang mereka saksikan atau peristiwa yang mereka turut terlibat. Bagi sumber lisan dalam kategori sumber kedua pula, ia adalah maklumat daripada mereka yang tidak menyaksikan atau tidak terlibat dalam sesuatu yang diterangkan.

Peranan sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang. Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatitkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan.

# KAJIAN LITERATUR

# 4.0 KAJIAN LITERATUR

## 4.1 INDUSTRI NYANYIAN

Menurut Prof. Dr. Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003;91), bangsawan sudah mula menapak di Pulau Pinang lewat tahun-tahun 1870an. Bangsawan dibawa masuk oleh para pedagang India, The East India Company. Kemunculan bangsawan dipercayai hasil daripada pengaruh wayang Parsi atau Mendu. Kehadiran bangsawan juga membawa bersama jenis muzik popular Malaysia apabila pemuzik bangsawan menjadi perintis dalam mempopularkan muzik gabungan elemen-elemen tradisi Malaysia. Krishen Jit, seorang profesor, ikon dan aktivis teater Malaysia, telah lama mengekalkan bahawa drama/teater kuno dan bangsawan wujud lama sebelum kemerdekaan dan merupakan teater pertama di negara ini. Drama dan teater sebegini mengisahkan tentang tingkat keagungan kerajaan Melayu, serta rakyat dan personaliti yang telah membentuk sejarah Melayu. Muzik iringan ialah muzik langsung yang dimainkan untuk mengiringi lagu bangsawan dan juga muzik latar.

Akibatnya, muzik merupakan komponen penting dalam teater bangsawan, dan pemuzik boleh mencari rezeki sebagai pemuzik profesional pada masa itu. Industri muzik disusun dalam dua kategori: bahagian pengeluaran dan penghasilan, serta bahagian sokongan. Firma rakaman dan artis dipisahkan kepada dua subkumpulan dalam Bahagian Pengeluaran & Pengeluaran. 5 Bahagian Sokongan termasuk pengedaran muzik dan ejen sokongan seperti industri filem, stesen radio dan televisyen, wartawan, penganjur konsert, pengurus acara, dan penyedia infrastruktur seperti peralatan audio, pentas dan pencahayaan.

## 4.2 ARTIS VETERAN

Artis veteran merujuk kepada seseorang yang kreatif, atau inovatif, atau mahir dalam sesuatu bidang seni. Artis veteran juga merupakan individu yang mempunyai banyak pengalaman dan mereka pakar dalam sesuatu pekerjaan atau bidang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Artis veteran juga membawa merujuk kepada orang yang banyak pengalaman. Sebagai contoh, artis-artis yang lama yang telah lama terlibat dalam dunia seni bermula dari tahun 1960an, 1970an, 1980an dan mereka boleh diiktiraf sebagai artis veteran.

### 4.2.1 ARTIS VETERAN DALAM BIDANG LAKONAN

Di Malaysia mempunyai ramai artis veteran dalam bidang lakonan. Malang sekali artis-artis ini sering dianak tirikan dan ada antara pelakon veteran seperti Jalil Hamid ditawarkan bayaran yang rendah untuk satu episod. Menurut Berita Harian (2021) perkara seperti ini tidak boleh berlaku kerana pelakon-pelakon veteran ini mempunyai nilainya dan kelas tersendiri. Artis veteran bidang lakonan tidak susut nilai di zaman moden ini.

### 4.2.2 ARTIS VETERAN DALAM BIDANG NYANYIAN

Artis veteran dari bidang nyanyian yang terkenal adalah seperti Allahyarham Sudirman Arshad. Walaupun beliau sudah meninggal dunia, tetapi nyanyiannya dan bakat beliau sering diangkat sehingga ke hari ni terutama sekali pada hari kemerdekaan Malaysia. (Harian Metro, 2019) Selain itu terdapat juga artis veteran dari bidang nyanyian seperti Jamal Abdillah, Amy Search yang lagi terkenal berbanding artis-artis yang baharu. (Harian Metro, 2019)

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

**K.N.A: Assalamualaikum, sebelum tu saya kenalkan diri saya. Nama saya Khalilul Nishad bin Abdullah. Saya daripada pelajar UiTM Segamat lah.**

**S.N.F.B: Nama saya Shah Nurfikrie, puan boleh panggil saya Shah.**

Z.I: Shah?

**S.N.F.B: Haa.**

**K.N.A: So okay puan boleh tak puan ceritakan serba sikit tentang latar belakang diri puan?**

Z.I: Saya - Nama saya yang sebenar Shareefah Ibrahim tapi zaman dulu-dulu kalau untuk karier kita tu kadang kita tak banyak gunakan nama sebenar kan.

**K.N.A: Haa.**

Z.I: Saya sebagai seorang penyanyi, Zalifah binti Ibrahim, Zalifah Ibrahim lah orang panggil haa. Saya bermula menyanyi masa tu tahun 1969 lah masa tu dalam saya umur 15 tahun. Saya mulakan menyanyi ni memang kita minat ya minat dari kecik, minat nak jadi penyanyi zaman tahun 69 zaman pop yeh yeh dulu kan.

**K.N.A: Haa.**

**S.N.F.B: Betul.**

Z.I: Bila kita dengar-dengar benda tu jadi kita minat daripada situ timbul eh tapi kalau minat saja kita rasa kita tak cuba untuk - Untuk apa belajar ataupun berlatih, kalau kalau kata nak jadi penyanyi kita kena berlatih lah jugak kan banyak suara-suara kita kena uji dulu lah macam mana. Jadi kita hanya belajar melalui radio bila kita dengar penyanyi-penyanyi lama dan sekarang pun penyanyi lama tu semua jadi kawan kita dah ***(ketawa)*** kebanyakkan. Itu kita tak dapat duga lah benda tu akan berlaku kan. Jadi bila kita minat tu kita akan rasa kita boleh menyanyi jadi kita perlu - Kata orang polish **[gilap]** ya?

**S.N.F.B: Haa betul.**

Z.I: Tapi masa zaman dulu tahun 69 tu dalam satu kampung, saya sebenarnya berasal daripada Kampung Datok Keramat. Kalau Datok Keramat tu kira dulu orang panggil dia daripada Tangga Cina. Maknanya kalau bila orang tahu yang kita daripada kampung Datok Keramat Tangga Cina, maknanya kita memang asal daripada situ lah dari kecik haa. Tangga Cina lepas

tu dah jadi Kampung Datok Keramat kat Kuala Lumpur lah. Jadi kalau masa dulu-dulu muzik-muzik ni kan banyakkan daripada band **[kumpulan]** -

**K.N.A: Ahaa betul.**

Z.I: pasal RTM pun diorang buat program untuk macam muzik-muzik kan pertandingan-pertandingan, juara KUGIRAN.

**S.N.F.B: Betul.**

Z.I: Jadi masa zaman awak tu takdelah ***(ketawa)*** sekarang ni lain cara dia. Masa dulu memang bila kata ada hiburan-hiburan kita ni kebanyakan daripada situ lah. Kalau muzik-muzik nak tengok band tu daripada program muzik-muzik RTM. Jadi bendanya tak banyak, rare sangat kan jadi cepat. Kalau orang cepat kenal pasal benda tu pada diorang itu lah satu cara hiburan diorang yang sebenar kan. Orang dulu-dulu lah dia takde banyak hiburan yang lain dan kalau untuk penyanyi-penyanyi dulu dia ada RTM, ada buat program macam bakat TV.

**K.N.A: Ha'ah betul *(sambil menganggük kepala)***

Z.I: Jadi saya memulakan karier saya sebagai seorang penyanyi dengan melalui band dulu. Band di kampung lah - Kampung kampung kan dulu selalu bila kahwin ada keje kahwin semua kan mesti ada muzik. Satu group macam 5 orang ke band.

**S.N.F.B: Karaoke?**

K.N.A: Ha'ah.

Z.I: Saya mula daripada kampung saya sendiri kat Kampung Datok Keramat. Band yang pertama saya masuk The Next of King.

**K.N.A: The Next of King?**

Z.I: Ha, The Next of King. Band pertama yang saya masuk lepas tu bila saya dah practice practice practice **[berlatih]** jadi orang banyak orang dapat menilai kalau ada yang terlibat dengan industri muzik kan. Diorang dapat cungkil bakat tu kan,

**S.N.F.B: Ha'ah ye lah.**

Z.I: Dia dapat tahu orang ni ada talent **[bakat]** ke takde. Jadi kita daripada situ lah kita band tu lepastu kita nyanyi bawah khemah.

**S.N.F.B: Ohhh.**

**K.N.A: Ohh.**

Z.I: Tapi yang bagusnya bila ada band ni kita dapat berlatih daripada kita, kita dapat polish **[gilap]** kiranya suara kita bukannya terus melonjak naik.

**K.N.A: Oh sikit-sikit lah?**

Z.I: Kita mula dari bawah, peringkat-peringkat. Jadi daripada situlah, masa tu kita budak-budak, bodoh kan -

**S.N.F.B:** ***(ketawa)***

**K.N.A:** ***(ketawa)***

Z.I: kita ikut aje, kita kata kita nak nyanyi, kita nyanyi je lah. Kita rasa kita tak boleh nyanyi kita tariklah diri, cari peluang lain kan. Tapi pastikan kita boleh kita ada bakat kita cuba untuk belajar daripada situ.

**K.N.A: Betul.**

Z.I: Dalam group tu, dalam kumpulan tu apa ni daripada band tu, saya berlatih pastu saya bertukar band lain. Ada 3 band.

**S.N.F.B: Ohh.**

**K.N.A: Ohh.**

Z.I: Daripada dulu tu ada The Next of King yang mula-mula lepastu saya masuk kumpulan band apa tu - The Stallion. The Stallion lepastu saya masuk Everyday People. Everyday People ni budak-budak rock lah ha jadi kita berpindah-pindah band pasal bila diorang semua nak cari penyanyi selalu bila dia nampak orang ni ada potensi jadi dia ajak kita masuk aje lah kan, kita memang suka nak menyanyi. Bila kata RTM mulakan untuk haa buat Bakat TV jadi kita cuba untuk bertanding dalam rancangan tu. Kita apply **[memohon]** je lah ***(ketawa)*** kan masa tu sekolah lagi kan so kita apply **[memohon]** masuk dalam Bakat TV. Haa diwajibkan untuk nyanyikan satu lagu Melayu dan satu lagu pilihan sendiri lah.

**K.N.A: Kira irama Melayu lah?**

Z.I: Lagu Melayu lah, lagu-lagu kita lagu Melayu. Lepastu yang kedua tu kita boleh nyanyi lagu Inggeris ke, bebas lagu apa. 2 lagu. Tapi masa tu Bakat TV tu dia campur sekali muzik, pelawak. Macam Jamali Shadat dia dari situ. Pastu yang main trumpet, saxsofon tu semua. Dia combine **[gabungkan]** sekali, menyanyi solo dengan muzik. Sekarang dia asing-asing. Muzik-

muzik je, menyanyi-menyanyi je. Dulu tidak, kita semua bergabung dalam satu program tu. Cuba bertanding pergi audition **[ujibakat]** - Susahnya kita kalau budak-budak kan masatu kecik nak pergi ke RTM tu macam kita rasa besar sangat lah benda tu kan. Kita yang tak pernah keluar kampung kan.. pergi struggle **[berusaha]** naik bas lah.. macam-macam lah jadi interesting **[menarik]** benda tu.. pengalaman.. bakat TV.. masa tu tengah audition **[ujibakat]** jadi kita dapat masuk saringan tu semua pasal dulu kalau diorang keluarkan daripada audition **[ujibakat]** tu, dah keluar kat TV. Sampai quarter final **[suku akhir]** sampai semi-final **[separuh akhir].** Jadi sentiasa diorang ikut kan malam minggu tu program tu bakat tv diorang suruh ikut dan keluar.. tapi yang kemudian ni, kita dapat tahu diorang hanya tiba-tiba keluar semi-final **[separuh akhir]** terus ke final **[akhir]**. Haa yang bakat TV bintang RTM sekarang dia takde masuk daripada peringkat awal.. jadi audience **[penonton]** yang tengok tu kata hanya tengok lagipun sekarang terlalu banyak program kan?

**S.N.F.B: Betul** ***(sambil menganggukkan kepala)***

Z.I: Jadi diorang takde fikir, kalau kata RTM aje diorang fikir standard **[taraf]** dia dah lain daripada tv 3 tv apa lah kan.. berkelas lah kononnya. Kalau yang lain tu, daripada RTM tu agaknya macam dah turun sikit lah dia punya status atau stage **[pentas]** dia tu kan.. tapi pada kita.. pada artis yang sekarang dah jadi veteran ni kan, kita memang disitu je lah bakat kita.. kita kembangkan bakat kita daripada RTM.. lepastu bila dah masuk bertanding, kita mula fikirkan untuk apa lagu yang kita boleh nyanyi yang akan mengingatkan pada orang.. orang akan ingat.. pasal yang lain tu semua sama kan.. nyanyi lagu melayu nyanyi lagu orang putih.. bendanya sama semua.. kita nak yang lain jadi terfikir.. masatu kita nak nyanyi lagu Jepun.. lagu Melayu kita nyanyi lagu biasa.. tapi lagu kedua yang pilihan tu kita nyanyi lagu Jepun.. jadi dalam banyak-banyak peserta tu, satu orang aje yang menyanyikan lagu Jepun jadi kita dapat ingat.. bila tanya dekat orang orang kan, bila sebut Bakat TV ke bintang RTM yang menyanyi lagu Jepun budak yang nyanyi lagu Jepun tu.. haa itu jadi cepat orang ni ingat.. walaupun kita tak pernah sampai, kita tak dapat ke final **[akhir]** tak masuk ke final **[akhir]**, sampai ke semi-final **[separuh akhir]** je.. kita kalah dengan budak main clarinet.. budak Syah apa tah nama dia, lupa dah nama dia.. kalah dengan apa ni point **[mata]** kita kurang daripada tu Syah tu jadi kita sampai semi-final **[separuh akhir]**. Tapi daripada semi-final **[separuh akhir]** tu sebenarnya masa ke RTM tu dah audition **[ujibakat]** tu ada lah yang recording artist **[artis rakaman]** punya PRO ke kan yang datang, yang mencari bakat-bakat baru. So **[jadi]** daripada situ diorang dah mula contact **[hubungi]** pasal nak buat rakaman kan so diorang offer **[tawar]** nak buat rakaman.. so kita rasa seronok lah kan, excited **[teruja]**. sebab itu yang kita

mula yang kita nak cuba untuk naikkan secara macam tu lah daripada pertandingan pastu kita menyanyi.. apa-apa pertandingan pun kita masuk eventhough **[walaupun]** dekat sekolah daripada sekolah dulu-dulu pun ada pertandingan.. kampung-kampung ada buat pertandingan.. tiap kali ada majlis-majlis apa diorang mesti ada lagu-lagu..

**S.N.F.B: Haah ye lah.**

**K.N.A: Haa**

Z.I: jadi dimana pun diorang buat tu kita masuk.. tapi masuk tu alhamdulillah lah tak pernah kalah kan.. jadi daripada situ kita tahu bakat kita ada.. kita boleh teruskan karier kita.. dengan minat tu kita boleh teruskan lah minat untuk menyanyi.

**K.N.A: Baik, Puan dilahirkan di mana?**

Z.I: Saya dilahirkan di Kampung Datok Keramat.. memang asal usul kitorang dari situ

lah.. kiranya anak jati Kuala Lumpur.

**K.N.A: Tahun bila tu puan?**

Z.I: Tahun 1956. 4 haribulan 10 saya punya hari jadi. Saya lahir 4/10/1956.

**K.N.A: Okay puan. Gelaran puan dalam family [keluarga]? Diorang panggil auntie [mak cik] apa?**

Z.I: Auntie sebagai Pah aje.. Ipah ipah pasal nama Shareefah tu diorang panggil ipah aje..

**K.N.A: Puan, yang dekat luar tadi puan punya husband kan? Bila puan berkahwin?**

Z.I: Haa kita ada sejarah kita sebelum ni.. kita pernah kahwin 2 kali lah.. yang pertama ada 3 anak.. 3 lelaki pastu berpisah pastu kita kahwin lagi sekali.. dapat yang ini kita ada 4 anak.. jadi total **[jumlah]** semua anak ada 7 lah.

**K.N.A: Boleh puan ceritakan sikit latar belakang family [keluarga] puan, nama ibu puan nama ayah?**

Z.I: Umm family kita memang Kuala Lumpur jugak lah kan.. asal dari Kuala Lumpur.. dan orang kampung lah kata Keramat tu kampung lah.. tahun 69 memang kampung.. kalau orang kampung tu pemikiran dia lain.. tak macam sekarang sosial cara hidup kita berbeza.. so **[jadi]** dulu kita nak jadi penyanyi ni kita cara hidup kita ni bebas sikit.. tapi dikawal lah kan haa.. tidaklah bebas sebagaimana sekarang.. kalau dulu-dulu memang kalau nak keluar tu pun

banyak yang curi-curi.. lain kan orang dulu-dulu.. jadi kita menyanyi.. bila menyanyi tu satu kampung tu dah kenal dah.. Kampung Datok Keramat bila sebut tu nama Zalifah memang orang kenal.. tak banyak orang lah band.. sebut nama band tu memang tak ramai tak ada band lain.. hanya ada takat 3 band aje kat kuala Lumpur.. kat KL kat Keramat tu.. jadi orang dah tahu bila kita pergi mana-mana, ada event **[majlis]** orang kahwin ke memang orang kenal.. jadi orang kenal tu macam arwah mak arwah abah tu macam malu lah orang dulu kan.. dia ingatkan pekerjaan sebagai penyanyi tu bebas macam ni, dia ingatkan macam menjatuhkan air muka diorang lah padahal bila jumpa mana-mana macam kenduri-kenduri dia pergi kan, orang lain seronok sebut nama anak dia kan.. tapi dia macam malu-malu lah dia macam kononnya macam kerja penyanyi ni tak berapa cantik lah pada diorang.. tapi kerana kita suka benda tu, kita takde fikir buat benda yang tak elok kan jadi rasa kalau mak bising pun kita diam aje lah.. kita sebagai anak kan, kita diam je lah.. kita tetap jugak buat apa yang kita nak kan.. tak ada lah melawan.. itu cara yang dulu lah.. sekarang ni kita rasa berbeza. Anak-anak kita kena open **[terbuka]** dengan diorang kalau kita sekat lagi diorang buat yang benda tak elok kan.

**K.N.A: Betul betul**

Z.I: kita kena sporting lah sekarang tapi kena kawal..

**K.N.A: Puan ada berapa adik beradik?**

Z.I: Adik-beradik ada 10 orang.

**K.N.A: Puan anak ke?**

Z.I: Anak keempat.. tapi dalam adik beradik tu hanya abang yang sulung tu minat lah.. tapi hanya setakat ikut dalam group band saja.. tapi kita lebih jauh sikit..

**K.N.A: Dalam adik-beradik puan tu tak ada yang berkecimpung dalam industri muzik ni lah?**

Z.I: Takde.. hanya kata hobi yang menyanyi begitu-begitu aje lah.. takde orang kata.. tak sampai ke peringkat atas lagi.. takde yang sampai buat rakaman semua takde..

**K.N.A: Baik puan. Bagaimana puan berkenalan dengan puan punya suami?**

Z.I: Kata orang jodoh pertemuan tu dekat tangan Tuhan kan.. kita hanya boleh merancang.. kata lah macam suami yang pertama kita kenal masa zaman masih muda lagi kan.. suami yang pertama tu kita dah kahwin kemudian dia meninggal.. kira dapat kali yang kedua kita jumpa

dengan suami yang ini.. masa tu dalam masa kita menyanyi jugaklah.. kita pergi kemana-mana tu kan haa daripada situ kita kata orang yang itu sebagai jodoh pertemuan kita lah kan..

**K.N.A: Betul..**

Z.I: kalau duduk rumah aje kita takkan jumpa jodoh kita ***(ketawa)*** jadi secara kebetulan berjumpa dan kahwin..

**K.N.A: Baik. Puan punya latar belakang Pendidikan macam mana puan?**

Z.I: Pendidikan saya.. setakat sampai tingkatan 5 lepas tu saya masuk ITM.. sekejap je masuk ITM pasal kita bila menyanyi ni masa kita terlalu banyak.. kita tak boleh nak bahagi-bahagikan masa.. kalau kita nak betul-betul menyanyi kita kena concentrate **[menumpukan perhatian]** dengan satu aje.. masa menyanyi tu belajar tu boleh belajar tapi banyak gangguan lah pasal daripada tingkatan 3 lagi kita dah mula menyanyi masa tingkatan 3 lepas tu masa pergi show **[persembahan]** kita pergi show.. tak habis sekolah.. kadang organizer **[penganjur]** tu datang ke sekolah lah diorang minta izin.. kita tak boleh buat macam tu kita tak boleh lepas daripada masa sekolah tapi kerana minat kita, kita dah berjanji dengan orang.. kita mintak izin keluar.. masa kita banyaklah patutnya kita kena sekolah lah masa tu.. concentrate **[menumpukan perhatian]** dengan sekolah tapi dah itu macam satu tugas kita pulak.. jadi orang marah jugak lah.. cikgu-cikgu, guru besar pun dok ingat jugak lah.. haa pasal kadang kalau weekend **[hujung minggu]** je takpelah macam sabtu ahad gitu tak sekolah kan tapi kita keluar masa tu RTM punya group **[kumpulan]** semua kan masa time **[masa]** sekolah.. jadi ***(ketawa)*** rasa macam kita kena pilihlah mana satu.. pasal masa tu tengah naik kan.. tengah sibuk.. jadi kita dah sampai ITM tu kita sekejap je kat ITM pastu keluar lah..

**K.N.A: Baik, puan punya sekolah rendah dimana dan apa nama sekolah tu ye?**

Z.I: Saya sekolah di.. asal di Kampung Datok Keramat jadinya di sekolah Kampung Datok Keramat.. sekolah rendah lah..

**S.N.F.B: Oh.**

**K.N.A: Sekolah menengah?**

Z.I: Sekolah menengah saya sekolah di Jalan Kampung Baru.. antara Keramat dengan Kampung Baru dia tak jauh.. kita sekolah dekat sana aje lah..

**K.N.A: Baik. Puan, siapa yang mengenalkan.. macam yang puan cakap tadi kan umm puan RTM panggil apa semua kan.. so siapa yang perkenalkan puan pada benda ni?**

Z.I: Ya kita struggle **[berusaha]** kemudian kita cuba sendiri lah.. atas kita punya effort **[usaha]** kan.. kita masuk bintang RTM lepastu diorang dah start **[mula]** kenal.. lepastu diorang dah mula panggil buat rakaman jadi tu kita banyak kenal orang di dalam lah.. macam RTM dulu kalau kita nak menyanyi di TV, kita tak boleh terus terus pergi TV.. Kita kena mula daripada radio dulu.. RTM dulu bangunan dia radio dengan tu sebelah menyebelah aje kan.. jadi kita mula daripada radio baru kita boleh naik ke atas.. jadi dekat radio tu memang dulu diorang selalu buat rakaman untuk live **[langsung]** siang ke ataupun rakaman-rakaman apa diorang keluarkan kemudian.. ataupun diorang buat on air **[ke udara]** terus terus kan.. jadi daripada situ lah diorang tapis kita.. diorang tengok bakat kita.. jadi diorang offer **[tawar]** lah pasal tak ramai sangat masa dulu pun.. penyanyi-penyanyi yang sama dengan kita dulu macam yang bekas bintang RTM, Salmiah Hassan, Hanafiah Yunus, Rogaiyah Syukri.. ramai lagi yang tu sekarang masih ada lagi.. ke ada yang dah takde..

**K.N.A: Puan, siapa yang motivasikan puan untuk teruskan kerjaya sebagai penyanyi?**

Z.I: masa tu producer-producer **[penerbit]** dari RTM lah.. macam Jamal Mohammad.. dia kira apa ni.. dia buat program ni..diorang yang bagi kita encouragement untuk kita teruskan.. tapi kerana minat.. minat yang tinggi sangat untuk menjadi seorang penyanyi tu.. kita berusaha lah untuk mencipta nama..

**K.N.A: Pada waktu tu kan, puan idolakan siapa?**

Z.I: Masa kecik masa tu kita selalu kalau.. dulu masa 70an ya kita start tahun 69, lepastu bila dah mula menyanyi tu tahun 70 time **[masa]** tu banyakkan macam radio semua keluar penyanyi-penyanyi Indonesia.. masa tu memang penyanyi Indonesia.. Mula-mula kalau macam dekat Singapore dulu Pop Yeh Yeh kan.. bila tahun 70 banyak nya penyanyi-penyanyi dari Indonesia.. kalau penyanyi daripada Malaysia macam lagu dia agak kurang sedikit..

**S.N.F.B: *(ketawa)* Faham.**

Z.I: Tak banyak pun orang kenal.. sekarang pun orang tak banyak kenal tapi kalau penyanyi Malaysia macam kita appreciate **[hargai]** sangat kerana macam suka sangat dengan cara menyanyi Hetty Koes Endang.. dia yang kita rasa kalau menyanyi tu memang suara dia tidak akan mati.. ada kualiti suara dia.. Joseph Ernie Johan.. itu time tahun 70an punya penyanyi lah.. jadi saya suka nyanyi lagu-lagu diorang.. pasal pasal ada kualiti suara diorang.. jadi sesuai lah dengan dulu pasal diorang memang sampai sekarang pun memang sangat banyak penyanyi-penyanyi suka sangat Hetty Koes Endang.. dia menyanyi dengan penuh perasaan.. dan kalau

lagu-lagu dia tu kan kalau dia nyanyi tu memang penuh dengan feel **[perasaan]** haa.. jadi takde main-main cara dia nyanyi tu takde main-main.. kita akan ingat sampai bila-bila.

**K.N.A: Apa pandangan puan tentang bidang nyanyian ni? Dia boleh pergi jauh ke tak ke.. Haa cemana?**

Z.I: Bidang nyanyian ni kalau dulu kita hanya boleh harapkan sebagai hobi je lah kan.. lama-lama meningkat umm kita rasa menyanyi ataupun bidang seni ni kita boleh jadikan sumber pendapatan.. tu cara diorang.. seni ni tak kira lah bukan hanya menyanyi saja ye.. seni muzik.. seni macam penciptaan lagu apa semua tu kan.. bila apa ni kira macam sekarang kalau diorang cipta lagu yang cantiklah kan, jadi benda tu boleh kita ketengahkan sampai ke peringkat antarabangsa.. kalau dulu pun yang tahun 60an punya lagu macam pop yeh yeh tu dia simple **[ringkas]** lagu dia tapi banyak cerita pada pendengar-pendengar, pada orang-orang ramai macam dulu-dulu.. orang dulu-dulu dia tak banyak hiburan.. kita bercinta je kan..

**S.N.F.B:** ***(ketawa)***

**K.N.A:** ***(ketawa)***

Z.I: Tapi memori dia kita akan ingat sampai sekarang.. masa diorang tengah bercinta tu, masa tengah berseronok ha lagu tu yang jadikan diorang punya curahan hati.. kita tak dapat nak express **[luahkan]** dengan cara tu, jadi kita bagi lagu.. lagu tu senikata dia kena dengan apa yang kita rasa.. kalau yang dulu-dulu punya yang ada sekarang, peringkat-peringkat kita yang sekarang dah 50 tahun 60 tahun 70 tahun, dia akan ingat lagu-lagu yang kata diorang tu hidup dengan atau besar dengan lagu-lagu tu.. tapi berbeza dengan sekarang.. saya rasa lagu-lagu sekarang ni sedap didengar tapi kita tak dapat feel **[rasai].** Susah jugak nak menyanyi lagu sekarang ni.. pasal kalau orang yang betul-betul takde kualiti suara yang memang tak boleh nak menyanyi, memang sumbang mambang lah.. tapi memang kita rasa sekarang lagi susah.. kalau dulu hanya pendek aje lagu dulu.. senikata dia.. dalam dua rangkap dua rangkap gitu kan.. mudah nak nyanyi tapi lenggok dia budak sekarang tak boleh nak ikut.. kita nak penjiwaan.. lagu tu kita minat dan kita dapat rasa macam kita masuk dalam satu-satu macam peristiwa tu kita masuk.. kita tak mendengar je gitu lepas tu kita dah lupa..

**K.N.A: Baik puan, apa judul lagu pertama puan?**

Z.I: Lagu judul yang pertama - Antara ingat dengan lupa ***(ketawa)*** dulu lagu tu mungkin lagu Posmen agaknya.. tajuk lagu tu Posmen.. tapi memang saya dibesarkan dengan lagu jepun lah.. macam lagu jepun tu lagu Sukiya, Wakare, Konnichiwa, walaupun kita tak berapa faham tapi

kita ni ada nyanyi.. haa memang hafal.. kita nyanyi tu suara kita kena dengan lagu tu.. memang kita tak berapa realize **[sedar]** sangat tapi orang lain punya suara lain.. suara kita macam budak-budak lagi macam nyaring lagi kan.. kita memang sesuai.. ye lah orang nak buat rakaman tu kena pilihlah.. diorang kena pilih bebetul kesusaian dengan lagu-lagu ni kan jadi masa tu bermula tu kita nyanyi lagu rancak lah.. jadi diorang buatkan lagu Posmen tu memang kalau boleh kalau nyanyi lagu tu.. sekarang kalau nyanyi lebih bagus lagi dari yang dulu.. kita rasa lah suara tu kan.. dengan dia punya machine **[mesin]** dia kan, studio dia advance **[terlebih dahulu]** lagi sekarang.. lagi kita punya control **[kawalan]** suara tu kita dah makin lama tu kita dah ada pengalaman lah.. jadi rasanya kalau dapat lah kita nyanyi lagu lama-lama tu balik kita rasa lgi baik dari yang dulu lah. ***(ketawa)***

**S.N.F.B: Faham faham.**

**K.N.A: Lagu Posmen tu dia mengisahkan apa puan?**

Z.I: Lagu Posmen mengisahkan pasal Posmen lah agaknya. Tah lah kita bukan pencipta lagu.

**K.N.A: *(ketawa)***

Z.I: ***(sambil belek-belek album beliau)*** Ini pun nasib baik ada yang dapat collect **[dikumpul]**. Ni Sayonara ni lagu Jepun mula-mula.. lagu pasal Posmen lah.. dulu simple **[ringkas]** sangat pemikiran orang dulu sangat lain.. lagu bomba lah lagu itu.. tapi asalkan benda tu seronok sudah lah kan.. jadi kita yang buat ni pun budak-budak.. pemikiran kita lain. Apa orang bagi tu kita terima je.. tak payah nak bantah-bantah.. sekarang memang banyak perbincangan kalau nak buat satu lagu tu.. makan masa yang lama lah.. kita kalau buat ni satu hari pun kita dah boleh buat satu track tu..

**K.N.A: Bayaran untuk puan time [masa] tu berapa puan?**

Z.I: Untuk rakaman tu kalau dulu tahun 70an tu taklah mahal macam sekarang.. sekarang memang dorang boleh buat duit kan.. tapi yang dulu tu kita hanya serah pada - Kita tak pandai sangat lah, berapa yang diorang decide **[tentukan]** untuk dah ada bajet time tu, kita ada kontrak.. dengan company **[syarikat]** melayu tu.. diorang kena ada kontrak sebab diorang takut kita keluar daripada syarikat.. kita ambik syarikat yang lain ke kan.. kalau dulu tak banyak.. masa tu EMI, Live, Warnada.. tak banyak sangat..

**K.N.A: Puan, komposer ataupun penulis lirik untuk lagu Posmen tu siapa?**

Z.I: Kita masa buat rakaman tu dulu banyakkan staf daripada RTM, musician **[ahli muzik]**

**K.N.A: Dia ramai-ramai lah buat?**

Z.I: Masing-masing ada macam yang diorang ada penulis lagu, penulis skor muzik skor.. jadi musician **[ahli muzik]** tu dia ada idea, ada lagu di nak kasi haa dia jual lah lagu tu.. dia jual dengan syarikat lepastu syarikat bagi pada penyanyi-penyanyi yang bawah naungan dia lah.. tengok kalau yang dulu-dulu tu banyak dia punya pengaruh tu dari RTM.. dia punya muzik pun banyak pakai string lah, semua RTM punya orchestra jadi muzik tu macam pada sekarang tak berapa memuaskan sangat lah pasal muzik sekarang rancak kan.. kalau dulu lain.. tapi kita hanya ikut saja..

**K.N.A: Album pertama puan apa tajuk dia?**

Z.I: Itulah itu tajuknya Posmen.. kita ada yang ini yang dapat disimpan lagi ada 7. 7 album apa ni - EP dalam 4 lagu je EP pastu diorang buat LP tapi dalam 10 lagu. Macam hari raya diorang ada kalau dulu hari raya mesti ada lagu baru.. jadi kita selalu buat rakaman untuk hari raya.. Baju Merah Jambu.. masih lagi setiap hari raya orang akan mainkan lagu tu.. benda tu akan sentiasa orang ingat.. lagu-lagu baru ni tak berapa perasan sangat.. dengar lagu hari raya baru diorang tahu "Oh ini ke penyanyi yang menyanyikan lagu tu".. kadang diorang banyak yang tak kenal kan.. tapi sekarang kalau nak compare **[bandingkan]** lagu hari raya dulu dengan yang sekarang ni, memang lagu hari raya yang dulu sentiasa.. sekarang ni pun lagu hari raya tapi kita dengar tapi -

**K.N.A: Tak rasa sangat kan puan?**

Z.I: lepas tu kita tak tahu, kita tak boleh nak menyanyikan pun.. tak tahu lagu tu.. macam takde jiwa.. suasana hari raya tu takde.. memang banyaknya macam tu sekarang.. lagu Sharifah Aini kan lagu M. Nasir lagu Saloma ye.. tetap akan orang kenal sampai sekarang.. masih lagi setiap tahun..

**S.N.F.B: wajib tu**

**K.N.A: Baik puan, kolaborasi puan yang pertama dengan siapa?**

Z.I: kolaborasi pertama.. dengan siapa tu adalah Dato' M. Daud.. saya selalu menyanyi dengan M.Daud.. Bukan M. Daud Kilau ya.. M. Daud Kilau pernah jugak tapi kita nyanyi lagu hari raya.. M. Shariff tu semua.. tapi saya memang berduet lagu daripada mula tu dengan M. Daud lah..

**K.N.A: M.Daud ya..**

Z.I: Ya betul.. arwah dah ni arwah.. saya sedih sangat menyanyi sebab lagu-lagu yang saya menyanyi tu banyak jugak lagu duet tapi saya tak dapat nak nyanyikan dengan orang lain.. pasal orang lain tak boleh nak nyanyikan lagu-lagu ni.. hanya tunggu M. Daud je tapi ***(ketawa)*** M. Daud dah takde.

**S.N.F.B: *(ketawa)***

**K.N.A: *(ketawa)***

Z.I: jadi lagu-lagu yang banyak tu kita tak dapat nak menyanyi.. hanya nyanyi lagu solo je.. kalau pergi mana-mana show **[persembahan]** ke kita nyanyi lagu solo je.

**K.N.A: Siapa yang syorkan puan untuk buat album-album ni lah?**

Z.I: Album ni kebetulan masa tu M. Daud ni dia adalah PRO syarikat live. Dia sebagai penyanyi dan bekerja dengan live, jadi dia yang mencari artis untuk buat rakaman artis-artis Melayu.. so dia minat.. dia nak menyanyi pada semua penyanyi.. syarikat saya menyanyi tu ada Fatimah Razak, Salmiah Hassan.. jadi semua ni partner **[pasangan]** dia.. jadi dia ni orang ni dah dia kerja dekat situ kan.. jadi dia nak menyanyi kira semua bekas-bekas dia lah ***(ketawa).*** Tapi bila nak nyanyi tu takde orang yang boleh.. tapi lagu duet saya dengan dia tu sampai sekarang lagi orang masih lagi apa ni lagu "Manakah Impian Hatiku".. kalau sekarang ni radio klasik selalu keluarkan lagu ni lah.. pernah dengar tak? Pernah?

**K.N.A: Radio klasik pernah tapi lagu ni tak pernah lah..**

Z.I: Lagu ni memang orang akan kenal - ***(mula menyanyi)***

*Manakah impian hatiku,*

*Sungguh lama ku mencarimu,*

*Disaksikan seribu,*

*Tiada berita di awal yang lalu,*

*Aku nantikan oh pujaan hati,*

*Segeralah sayang segera ke sini.*

Lagu ni memang orang kenal lah.

**K.N.A: Saya pernah dengar, bapak saya pernah bukak lagu ni..**

**S.N.F.B: Sama lah, pernah dengar jugak.**

Z.I: Dia lagu saduran.. dulu suka nyanyi lagu saduran.. lagu saduran Hindustan.. jadi diorang buatkan lagu ni seni kata Melayu..

**K.N.A: Baik puan, macam puan cakap tadi siapa juri yang jaga ujibakat?**

Z.I: Masa tu.. dah terlupa jugak ni.. nama Cina tu.. masa tu Soliano, Ree Yau Jin.

**K.N.A: Oh Chinese [merujuk kepada orang Cina] lah?**

Z.I: Ada Cina, ada Melayu.. tapi staf-staf daripada RTM..

**K.N.A: Memang staf tu banyak guna RTM saja lah ya?**

Z.I: Staf yang bahagian muzik.. dia memang arif.. macam Akbar Nawap, Ahmad Nawap tu semua adik-beradik tu kerja RTM jadi yang itu taraf tinggi lah.. diorang tahu pasal muzik jadi itulah dia punya juri-juri semasa malam pertandingan tu..

**K.N.A: Puan pernah terlibat tak dengan mana-mana penggambaran lakonan?**

Z.I: Berlakon tu ada jugak berlakon.. berlakon tu kita ikut arwah Raja Ismail.. dia adalah suami kepada Aspalela Abdullah.. dia tu penyanyi lagu asli kita.. yang masih ada lagi sekarang.. jadi Raja Ismail ni dia sebagai director **[pengarah]**. Pada tu masa musim orang tengah buat drama series-series **[bersiri-siri]** ni kan.. daripada Solid Gold Production so ada lah berlakon.. satu dua drama je lah.. sikit-sikit je haa bukannya berlakon jadi leading **[mengetuai]** ke apa pasal saya tak berapa minat sangat bidang lakonan.. kita pun tahu lah kita ni tinggi tak semana.. orang jadi pelakon ni nak kena kurus, photogenic kan.. jadi kita rasa malu lah.. macam kita buat tu tak sepenuh hati.. kita macam kita rasa kaku.. bila kita tengok pelakon kaku ni kita boleh komen.. ***(ketawa)***

**K.N.A: Haa betul..**

Z.I: kita komen kita rasa tak seronok.. macam kita tak puas hati tengok dia ni.. jadi kita timbang diri kita sendiri lah.. biarlah kita concentrate **[menumpukan perhatian]** dengan menyanyi aje.. berlakon tu kalau diorang mintak gitu je nak cuba jugaklah tapi rasanya tak berapa minat sangat lah..

**K.N.A: Puan masih lagi dapat jemputan untuk buat show [persembahan] ke?**

Z.I: Masih… tapi yang dulu kita memang ada buat show **[persembahan].** kalau selalu diorang buat show dulu.. selalu saya kalau dulu pergi show **[persembahan],** pergi dengan arwah Jamali

Shadat, Hamid Gurkha, AR Badul.. kira yang lama-lama tu artis-artis yang tengah top **[puncak]** masa tu kan.. itu memang kita sentiasa pergi group-group **[berkumpulan].** Dulu memang rapat.. antara kita sama-sama ni memang rapat.. banding sekarang masing-masing kalau dipanggil dia pergi sendiri.. naik kapal terbang sendiri.. jumpa dekat tempat yang dituju.. tapi kita memang mula-mula sampai akhir kita memang bersama..kalau ada organize **[anjur]** show **[persembahan]** dekat mana-mana ke dulu cara hiburan kita di FELDA-FELDA, kawasan pedalaman. Kalau dekat bandar tu diorang buat kat stadium lah. Tempat yang boleh kumpul ramai orang. Tapi banyakkan kita pergi outstation **[luar Kawasan]** lah.. di kampung-kampung.. jadi kita banyak.. kira rapat lah dengan orang-orang kampung, orang-orang yang kata apa bukanlah yang kelas sangat lah.. yang biasa-biasa je.. pasal diorang jauh, diorang takde hiburan.. jadi bila kata sebut macam funfair je kan, masa tu lah diorang seronok datang ramai-ramai kan.. pentas kita pun agak-agak macam kayu yang takde grand-grand **[gah]** sangat tapi kita rapat lah dengan diorang.. lebih attach **[rapat]** lagi.

**K.N.A: Pengalaman puan sepanjang berada dalam industri muzik ni macam mana puan?**

Z.I: Pengalaman saya tu rasa pasal kita suka jadi kita minat kita struggle cara hidup kita.. kita rasa happy **[gembira]** dengan apa yang kita buat.. dan kita dapat kawal diri kita, emosi kita jadi kita buat tu hanya kewajipan kita sebagai tugas untuk mencari mata pencarian pun ye lah kata kan kita ada sumber pencarian.. mesti ada kerja.. takde kerja takde duit kan.. jadi kita rasa kalau rasanya jadi penyanyi ni memang mudah kalau kita nak dapat pendapatan.. tapi kita kena cuba lah.. kita kena jaga lah.. kena maintain **[kekalkan]** kita punya imej ataupun suara kita.. kalau tak bagus takkan orang nak ingat.. jadi kita jaga sampai kita berapa lama kita boleh bertahan.. selagi kita diperlukan kita menyanyi.. selagi kita minat kita menyanyi.. selagi kita rasa dah agak-agak suam-suam, dah takde apa-apa lagi kan, orang dah tak ingat dah tak berapa dengar kita, so kita slowly **[perlahan-lahan]** kita tarik diri lah.. jangan sampai benamkan kita kan.. jadi saya rasa apa ni.. bangga dengan diri sendiri ni kan pasal kita mencuba daripada bawah.. kita tidak terus melonjak.. jadi kita harap akan turun perlahan-lahan, tak payah orang lain nak turunkan kita.. tapi kita timbang diri kita sendiri.

**K.N.A: Baik puan, pengalaman puan menceburi bidang nyanyian ni, maksudnya puan dah tak berapa nyanyi sangat kan, so [jadi] macam mana tu?**

Z.I: Kalau TV ni dia panggil, dia ambik kita masa kita tengah popular.. tapi kita masih hidup lagi.. kita masih ada lagi walaupun dah tak aktif sangat tapi kita masih bergerak.. tapi bila ikut pada keadaan, kita dah makin lama tu kita tahu kita punya glamour **[terkenal]** kita tu dah agak

menurun.. jadi kita join **[ikuti]** sama-sama dengan group **[kumpulan]** kita lah.. aktif dengan persatuan.. jadi kita dapat apa tu kata orang.. berkumpul balik, berjumpa.. silaturrahim kita tu jangan kata hilang-hilang macam tu je.. jadi diorang sentiasa buat apa tu kata orang.. organize **[anjur]** apa-apa show **[persembahan]** pun kan diorang masih lagi memanggil kita.. bila diperlukan kita pergilah.. jadi kita takde lah demand-demand **[meminta-minta].** masa tu kita fikir orang panggil tu kita dah bersyukur.. sentiasa kalau kata ada kerja tu ada lah imbuhan dia..takdelah kita nyanyi tu free-free **[percuma]** je.. orang pun nak hidup jugak kan..

**K.N.A: Betullah tu puan..**

Z.I: apa yang diorang dah aturkan, diorang bagi tu kita terima.. kita takdelah demand **[meminta]** sangat.. kalau kita demand orang menyampah kan.. jadi benda tu yang ada kita share **[kongsi]** sama-sama.. kita nak hidup lama..

**K.N.A: Baik, boleh puan ceritakan pengalaman yang manis tak semasa puan bergelar penyanyi lah?**

Z.I: Pengalaman manis tu memang dari mula sampai ke tua ni memang sentiasa manis.. takde yang rasa tak seronok pasal kita tahu kita ni sebagai seorang seni ni memang menjadi gila-gila sikit lah.. kita tak boleh hidup terlalu serius sangat.. ambil mudah sangat pun tak boleh.. terlampau sensitif pun tak boleh.. pasal kita ni memang gila-gila.. bukan gila lah, gila-gila perangai.. kena tahan cara bergurau.. cara pergaulan tu kita tak boleh ye lah kata orang.. busukkan sana busukkan sini.. kita tak boleh cemburu sangat.. kita sama-sama kita rasa.. kongsi sama-sama.. masing-masing kerja dia serupa je.. menyanyi tu pun setakat 3 4 lagu je.. tapi kita tak boleh rasa megahkan diri kita.. kita kena teamwork **[bekerjasama].** jadi kita sayang menyayang sama-sama dengan tu walaupun dah tak menyanyi, walaupun masing-masing dah buat urusan sendiri, bukannya semua orang ada - Tuhan tu bagi rezeki beza-beza kan.. jadi kita sama-sama kita jaga lah keharmonian tu.. tapi pada saya takde yang tak manis lah pasal saya tak kisah dengan benda-benda lain.. orang nak kata apa ke pasal kalau kita buat tu mungkin orang akan kata lah.. tapi kita rasa kita nak cari rezeki macam tu kita seronok dapat jumpa kawan-kawan.. kita lupa masalah-masalah.. tak usah ambik apa tu orang kata, tak payah ambik port sangat lah..

**K.N.A: Puan punya kenangan paling manis sekali masa puan menyanyi, siapa penyanyi tu? Dan apa kenangan tu lah**

Z.I: Ummm penyanyi tu ramai kita nak ingat.. pasal dulu kita kalau pergi satu tempat tu kita dengan RTM punya group, RTM ni selalu kalau macam Raja-Raja punya birthday **[hari jadi]** ke haa ataupun diorang pergi melawat tempat-tempat yang jauh-jauh, tengok kawasan dia ke, atau rakyat-rakyat dia yang lain, jadi RTM ni lah satu-satunya yang bagi hiburan pada diorang.. jadi kita pergi satu group satu bas.. pergi berkampung berapa hari raja tu atau Sultan.. selalu Sultan Pahang lah.. dia selalu ya.. keadaan Pahang tu dulu hutan kan jadi pergi ke Hulu Tembeling sana.. kalau sekarang ni kita memang tak boleh nak pergi, tak dapat nak pergi.. kalau dulu kita pergi ikut group **[kumpulan]** ni kita dapat redah semua tempat-tempat tu.. jadi semua ni kita macam satu family **[keluarga]** semuanya manis pasal kita masa tu kita budak.. yang lain tu dah berumur-umur jadi kita akan ada sifat kata orang rendah diri, hormat dengan yang lebih tua.. jadi kita ikut je, apa yang baik kita ikut.. jadi biar orang sayang dekat kita kan.. kita rasa semua manis.. takdelah rasa nak cerita yang nak kecik-kecik hati tu takde rasa perasaan tu..

**K.N.A: Yang pahit tu takdelah ya?**

Z.I: Yang pahit tu memang takde, kalau ada tu sakit sebab mungkin jatuh daripada kita menurun ke Hulu Tembeling.. kita daripada atas tu kita nak pergi ke bawah..

**K.N.A: Dengan kru semua lah?**

Z.I: Haa dengan musician **[ahli muzik]** semua.. naik sampan nak pergi ke Kuala Tahan, kaki gunung Tahan tu kan kita nak pergi kena naik perahu kan.. naik bukit tu jatuh lah apa.. masa tu panggil apa dekat Hulu Tembeling tu dia ada macam tempat buangan orang-orang yang buat salah.. lepastu dekat tempat tu ada doktor buangan.. jadi dia duduk situ.. jadinya dia datang tu dia buat lah servis dia.. dia tolong lah kita yang sakit tu sebab nak menyanyi malam ni tapi kaki dah bengkak lah apa.. dah jatuh daripada bukit haa.. yang kata kena pergi dekat Kelantan tu kita kena tangkap ramai-ramai dengan imigresen semua tapi benda tu walaupun sakit tapi kita rasa manis sangat.. kenangan tu.. kena tangkap ramai-ramai buat salah sampai kita seberang dengan tak pakai passport.. ramai-ramai dah tunggu rupanya.. lepas tu pergi shopping **[membeli-belah]** kan.. kat sempadan.. tapi bila balik tu diorang tengok ramai-ramai artis memang kalau pergi satu tempat tu memang orang akan tahu.. orang akan ambik perhatian semua.. jadi bila kita balik tu, macam mana artis tu boleh lepas ke sempadan.. dengan tak melalui imigresen kan.. bila dah balik tu diorang tunggu. Kenalah baca buku log.. ***(ketawa)*** Tapi interesting **[menarik]** lah, seronok lah.

**K.N.A: Kenangan yang paling manis lah dalam hidup puan, yang puan tak boleh lupa lah?**

Z.I: Kenangan yang paling manis tu bila berjumpa dengan suami lah ***(ketawa)*** Pertemuan dengan suami tu suatu yang kita tak duga kan.. kita masing-masing ada rahsia sendiri, ada cerita sendiri yang kita perlukan jadikan kenangan. Kita tak perlu hebah-hebah.

**K.N.A: Faham puan.**

Z.I: Ada orang yang suka cerita-cerita tapi bagi kita, kita simpan rahsia tu.. Yang baik ke yang buruk kita simpan. Kita tak perlu expose **[dedahkan]**

**K.N.A: Kenangan yang paling pahit dalam hidup puan tu macam mana puan?**

Z.I: ***(ketawa)*** Kenangan paling pahit tu bila ada yang meninggal lah, adik-beradik meninggal.. Pada kita adik-beradik dalam 10 orang, tapi kita berapa kisah sangat bila orang lain yang kehilangan tu yang tu kita dapat rasa lagi.. Bila berlaku pada diri kita sendiri, kita punya adik-beradik, yang mak ke atau keluarga kita lah, baru kita rasa kehilangan macam mana orang lain rasa.. masa tu lah kita rasa. Rupanya kesedihan tu kita tak boleh buat-buat. Dia automatik bila benda tu jadi, dia akan timbulkan kita punya rasa hiba.. tapi kita cuba pujuk. Kalau yang takde tu macam family **[keluarga]** kita yang rapat pergi, rasa macam dia pergi bukan tinggalkan kita. Tapi kita rasa macam dia tu pergi bercuti je. Dia pergi bercuti jadi kita tak rasa sangat kehilangan tu. Macam bila kita perlukan tu dia ada.. kita tak rasa macam dia dah pergi terus lah. Kita rasa dia ada lagi tapi hanya tak berjumpa macam dia pergi sana – Macam dulu pun kita jarang berjumpa walaupun adik-beradik rapat. Kalau masa dalam satu rumah yang tak kahwin tu memang lah kita duduk satu rumah.. tapi masing-masing bila dah ada kehidupan sendiri, diorang dah ada rumah tangga sendiri, jadi kita jarang jumpa. Hanya jumpa tu setahun sekali kan.. jadi bila takde tu, cara mengejut. Bukannya macam sekarang ni meninggal pun orang bukan meninggal lama sangat.. semua tiba-tiba mati. ***(ketawa)*** Jadi kita tak expect **[jangka]** benda tu kan. Jadi kita anggap benda tu pergi bercuti je.. Takdelah rasa sedih, kalau sebut je benda tu kan kita akan rasa sedih sangat.

**S.N.F.B: Okay puan, soalan seterusnya boleh tak puan memberikan sedikit pandangan tentang perbezaan lagu era zaman puan dengan zaman sekarang?**

Z.I: Itulah cakap, kalau bab lagu tu kalau zaman dulu, lagunya mudah tapi dia punya senikata tu pendek, singkat tapi makna dia mendalam. Jadi mudah, jadi cepat dan mudah orang ingat, mudah orang untuk menyanyikan dan dia punya melodi dia dengan muzik tu sesuai dengan

jiwa kita orang Melayu. Kita buat lagu untuk orang Melayu kan.. jadi kita ni, orang Melayu kita ni halus, lembut, dia tak suka benda-benda yang keras jadi dia boleh menyentuh lah perasaan kita.. dulu. Tapi sekarang, kalau compare **[bandingkan]** dengan lagu sekarang ni dia punya lirik tu panjang. kita nak menghafal satu hal, nak tipu-tipu menyanyi pun tak boleh. Kalau nyanyi senikata dia tu pening kepala kita tu nak bagi yang sesuai. Kalau pun nak tipu, kena link. Ada link dia kan?

**K.N.A: Ya betul tu**

Z.I: Kalau dulu kita boleh on the spot **[segera]** je, masuk je apa perkataan yang sesuai tu. Sekarang ni memang saya rasa lagu sekarang memang susah. Budak-budak sekarang tu nyanyi memang baguslah. Yang dapat nyanyikan, suara diorang sekarang memang bagus.. kalau dilatihlah.. kalau sumbang tu tak payah menyanyi lah. Lebih baik, menyakitkan hati orang. Rasa mulut tu nak terkeluar je, sakit nau mendengo. Rosakkan lagu, tak payah nyanyi lah.. Kita nak yang - Kita sebagai penyanyi, kalau kita tak boleh menyanyi tu kita usah buat. Jangan paksa-paksa diri. Kalau bukan orang dengar, kita sendiri dengar pun letih lah mendengar.. jadi baik diam. Jadi kalau betul-betul kita confident **[yakin]** nak menyanyi, kita menyanyi. Jadi bagi happy **[gembira]** dekat orang yang mendengar.. jangan orang kutuk macam kita sekarang mengutuk aje kan.. belum habis lagi suara tu.. kita pernah bagi jadi kalau karaoke-karaoke kan, dia panggil lah artis veteran ni yang ada pengalaman sikit-sikit ni kan untuk jadi juri ke atau judge **[menghukum]** kat situ.. Jadi bila sumbang je, bunyi je sumbang kita dah gelak.. bergegar-gegarlah badan ni gelak.. jadi kita tak nak lah benda tu berlaku. ***(ketawa)***

**S.N.F.B: Okay tadi dari segi lagu, sekarang dari segi artis pulak. Ada beza tak dulu dengan sekarang? Mungkin demand dia ke, perangai dia ke?**

Z.I: Banyak beza, banyak beza daripada yang dulu.. Dulu diorang humble **[merendah diri]**, artis-artis dulu memang menjaga imej dia. Dia takde show off **[menunjuk-nunjuk]** sangat.. Dulu memang susah kalau macam nak, kita nak bergaya pakai baju mahal ke apa memang artis jadi.. kata orang tu jadi tumpuan. Jadi orang ikut-ikutan, pakaian artis dulu dan sekarang memang tak sama lah dengan orang-orang biasa lah.. artis ni dia ada lebih sikit tapi yang dulu kita takde kemudahan macam sekarang. Kita nak buat tu kita mesti keluarkan duit.. Kalau yang dulu lah, kena keluar duit nak dapat glamour sikit.. bukan glamour apa pun, baju tu biasa je.. Hanya kata nak jahit sendiri semua jahit sendiri nak ngelip-ngelip tu.. Yang sparkling-sparkling **[berkilau-kilau]**, yang glittering-glittering **[bersinar-sinar]** tu semua.. baju diorang baju biasa, murah pulak dulu kan.. bila yang nampak cantik sikit bila kena lampu tu shiny-shiny **[berkilat-**

**kilat]** tu kena jahit sendiri.. walaupun 3 4 biji tu kita buat sendiri lah.. macam M. Daud Kilau tu semua, kalau baju dia tu kan.. tahu lah dia menyanyi lagu-lagu tu.. yang itu semua jadi sasaran bini dia lah.. anak dia menjahit semua manik-manik tu. Itu kita dulu macam tu.. kena usaha sendiri. Banding dengan yang sekarang semua orang sponsor **[taja].** Kau pakai baju mahal-mahal tu semua sponsor. Butik tu butik ni kan.. jadi diorang Nampak glamour bila pakai tu tapi sebenarnya diorang tak keluar duit.. tapi kita dulu memang bayaran kita bukan lah tinggi tapi pakaian tu kena buat sendiri.. takde yang glamour mana pun, hanya yang glamour tu pasal kilat-kilat tu aje.. kalau tu kita memang berusaha, memang kita kena buat ikut kemampuan kita.. yang penting suara kita.

**S.N.F.B: Jadinya kualiti muzik yang dihasilkan pada zaman puan dengan zaman sekarang banyak beza tak?**

Z.I: Banyak beza.. Sekarang pasal machine.. studio diorang tengok macam mana lengkap. Kita dulu studio kalau dekat RTM tu, itulah Nampak tu studio kita macam dekat radio tu diorang ada studio diorang tu kalau nak masuk tu macam nak masuk gua lah kan.. sejuknya Nauzubillah dia punya tu_ Tapi sekarang diorang hanya benda kecik je, diorang pakai sekarang ni. Tak se - tak macam dulu lah kualiti diorang bagus.. muzik diorang boleh dikira advance **[terlebih dahulu]** lah.. kalau dulu simple **[ringkas]** sangat.. simple dia punya_ kalau yang tahun 60an band 5 orang kan.. masuk sekali dalam studio tu, nak control **[kawal]** itu control ini kena teliti lah kalau dulu.. tapi lagu-lagu dia simple je..

**S.N.F.B: Boleh tak, boleh tak puan kongsikan kami tentang album-album puan?**

Z.I: ***(terperanjat)*** Apanya?

**S.N.F.B: Tentang album-album puan..**

Z.I: Tentang album?

**S.N.F.B: Berapa yang dihasilkan, album apa yang digilai ramai..**

Z.I: Kalau orang lain kita tak tahu lah berapa diorang ada album kan, macam sepanjang saya punya karier ni, selain daripada rakaman-rakaman radio kita buat album sebanyak 7 EP 3 LP. Dulu record player tu kan.. EP ni hanya 4 lagu je.. Lepastu ada buat ***(gangguan)*** Ni diorang paggil kaset.. yang ini album LP yang besar, yang ni kaset lepastu diorang pakai minus one tapi lepastu je lah.. yang terbaru sekarang ni pakai CD eh? Diorang panggil apa? Yang putih tu..

**S.N.F.B: Piring ke**

Z.I: Tak tahu lah.. dia pakai tu bukan macam kita lagi macam ni ***(sambil menunjukkan koleksi beliau)*** Pakai CD lah diorang pakai CD.. Tu lah pasal kita punya lagu - Yang ini pun masa dekat RTM memang diorang buat ada dalam lab, ada library **[perpustakaan]** dia untuk simpan lagu-lagu pakai piring hitam ni kan.. tapi bila sekarang ni diorang dah takde dah kita punya album.. diorang pandai lah cari dekat mana-mana. Nasib baik ada yang jadi *collector* (pengumpul) kadang diorang hantar sendiri. Nasiblah ada yang berfikir macam itu, nak timbulkan balik, kalau pergi mana-mana, tempat artis-artis veteran ni ada.

**KNA: Erm (mengangguk faham).**

ZI: Tapi hanya setakat duduk ajelah.

**KNA: Betul (mengangguk faham).**

ZI: Pergi kat sana nak pakai baju lawa jugak.

**KNA: Erm yelah (mengangguk faham).**

ZI: Walaupun tua, diorang artis ermm (berfikir) kalau yang dulu dulu macam pelakon-pelakon lama dulu dia nak, mesti nak pakai baju lawa, mesti nak pakai kilat-kilatkan jugakkan baju-baju tu.

**SNFB: Betul.**

ZI: Diorang pergi hanya sebagai tetamu aje.

**KNA: Ohh (mengangguk faham).**

**SNFB: Takdelah, tapi alhamdulillah laa sekarang kalau diorang masih pandang lagilah. Dikata takde yang dulu takdelah sekarangkan?**

**KNA: Haa betul (mengangguk faham).**

ZI: Jadi bagi hati kita tu berkembanglah sedikit.

**SNFB: (ketawa kecil).**

ZI: Yelah kata-kata bila dah umur dah tua ni kita takkan nak tunggu mati je kan?

**KNA: (ketawa kecil).**

ZI: Haa, hidup diorang tu ape? Hidup jaga cucu lah apa kadang sedihlah jugak kan

**KNA: Ermm (mengangguk faham).**

ZI: Kalau yang takde pendapatan, diorang meniaga itulah "standard" kita pulak meniaga nak meneruskan kehidupan.

**KNA: Ehem (mengangguk faham).**

ZI: Tapi bila kata dapat keluar ni, sakit semua hilang.

**SNFB: Hahaha (ketawa kecil).**

ZI: Betul kata, macam kita rasa bila dapat keluar pergi "attend" apa-apa event aje pun diorang dah rasa seronok. Haa tu yang anak kata "ohh dekat rumah sakit, bila dengar kata itu semua, baik semua sakit" itu semangat kita sebenarnya.

**KNA: Betul.**

ZI: Semangat orang-orang lamakan.

**KNA: Erm (mengangguk faham).**

ZI: Kita rasa benda tu macam satu riadah, takkan hidup nak matikan diri dalam rumah je kan?

**KNA: Betul.**

ZI: Kita kawan-kawan, dekat rumah tak bercakap. Kawan-kawan pun takde yng sama yang boleh faham jiwa kita jiwa kita artis.

**KNA: Ermm (mengangguk faham).**

**ZI: Kita alhamdulillah diorang sekarang** memang—dapatlah jugak peluang, diorang panggil jugak. Mana yang boleh menyanyi walaupun kadang kita dengar bila yang menyanyi tu orang tua suara orang tua lah kan (sambil ketawa) terdengar sangat suara yang tua tu kan. Tapi semangat dia yang kita nak. Tulah teruskan kehidupan jangan nak tunggu mati je jangan (sambil ketawa).

**SNFB: Aaaa—okay puan erm dalam banyak-banyak album puan ni kan, apa lagu yang paling memberi kesan mendalam kepada puan?**

ZI: Lagu yang mendalam ermm(sedang berfikir) lagu tadilah, lagu duet tu lagu manakah impian hatiku tapi aaa (sedang berfikir) yang dapat kita nyanyi sendirilah lagu.

**SNFB: Okay.**

ZI: Tapi yang selalu kita apa ni manakah impian hatiku, lagu aaa(sedang berfikir) usah cemburu, yang itu kita -- pasal kita dapat menyanyikan sendiri. Kalau tidak kita nyanyikan lagu orang je. Orang tak boleh, musik tak boleh mainkan.

**KNA: Ermm (mengangguk faham).**

ZI: Diorang pun tak dengar. Ni lagu ape *aunty* (makcik) tak tahu macam mana. Jadi kita sekarang cari-cari idea kita main jelah. Artis-artis dulu dia suka *on the spot* (secara langsung) awak main aje asal *key* (kunci) dia kena kita masuklah.

**KNA: Ohh (mengangguk faham).**

ZI: Masuk lagu tu lepastu nanti sambung dengan lagu lain.

**KNA: Aha (mengangguk faham).**

ZI: Lagu orang lain jadi bende ni bersambung sambung sambung lagu tu.

**KNA: Erm (mengangguk faham).**

ZI: Kalau rancak dia *on the spot* (secara langsung) banyakkan kita dulu, ade *band* (kugiran) kita menyanyi *live* (secara langsung).

**KNA: Aha (mengangguk faham).**

ZI: Haa, kita takde buat musik-musik *score* (markah) semua takde, diorang *by hard* (secara atas tulisan).

**KNA: Ohh (mengangguk faham).**

ZI: Tapi hidup lagilah masa tu. Semangat kita ni bila kita dah mula lagu satu lagu kita akan yang lain yang kita buat dulu tu kan kita akan ingat. Sekarang kalau nak tanya apa lagunya, tak ingat tak ingat, semuanya kita tak ingat. Bila dah – bila dah mula musik tu kita dah mula nyanyi tu dia akan datang yang lama-lama tu dia masuk satu-satu.

**KNA: Ehem (mengangguk faham).**

ZI: Kalau tidak hilang gitulah kita. Memori kita pun dah makin kurang bila dah dah berumur-umur ni. Awak belum jadi berumur lagi.

**KNA, SNFB & ZI: (ketawa).**

**KNA: Haa betul.**

ZI: Kalau ade kepakaran kita macam ada *skill* (kemahiran) untuk buat kek, kita boleh buat kelas kan. Untuk—banyak yang tidak tahu anak-anak sekarang banyak yang tak pandai. Anak-anak sendiri pun tak pandai nak masak, tak pandai nak buat itu semua. Itu semua dah biasa kita bagi semua. Diorang pandai bende lain tapi bende-bende macam ini bab-bab makan ni diorang tak tahu. Mak-mak jugaklah yang diorang dah biasakan. Jadi kita tengok macam tu. Kalau kita kehilngan sorang ke kita takde sumber pendapatan, kita buat apa yang kita terdaya. Tu yang penting kita ada kepakaran kita. Yang tak sama yang orang lain tak boleh nk tiru lah. Kalau orang – tak bolrh nak cantas-cantas kita. Itu jelah yang kita lakukan untuk – untuk sekarang ni. Tapi buat-buat tu bukan untuk nak jadi kaya ke apa kata macam melepaskan diri sendiri je

**KNA & SNFB: Aha (menganggguk faham)**

ZI: Macam aa kepuasan buat kepuasan pasal kita bile nak buat tu bila masa muda kalau nak buat apa pun kita buat masa muda. Haa kita ada daya. Tapi bila kita dh mula berumur macam ini, penyakit dah mula datang haa apa yang kita buat tu jadi kita tak boleh nak-nak buat kalau kita tak sihat kan?

**KNA: Hmm (menganggguk faham).**

ZI: Jadi kita buat sementara kita sihat kita buat. Buat untuk kepuasan diri dan untuk dapat apa sikit yang andai katakan tak ada – nak teruskan kehidupan mengharap bantuan-bantuan. Macam sekarang banyak macam tu kan. Tak ada *income* (pendapatan) terpaksa persatuan sekarang ni mencari dana untuk – untuk bantu sikit-sikit. Sikit-sikit je bukannya tu – tak boleh nak – tak cukup pun kan haa tulah yang kita buat sekarang. Apa jelah pernah buat menjahit, pernah buat masak-masak, bukak kedai makan jugak. Tapi semua terbantut separuh jalan (sambil ketawa) tpi sekarang ni bil *time* (waktu) pkp ni lagi kan. Kita buat apa – apa yang orang lain buat tapi kita memang *autodoc* (kurng mahir) pasal IT-IT ni tak pandai jadi kita harap pada anak-anak tolong macam mana nak buat. Kita bagi idea buat – kata orang buat *online* (atas talian) apa – tapi kene minta bantuanlah. Anak-anak pun dah besar-besar semua dah pandai dah sekolah kan?

**KNA: Haah (menganggguk faham).**

ZI: IT ni kita memang tak tahu. Telefon tu hanya tahu jawab je, kalau nak menaip-menaip malas lah *whatapps-whatapps* ni terlalu banyak masa kita banyak terbuang dekat situ je.

**KNA: Erm (menganggguk faham).**

ZI: Itulh *aunty* (makcik) *start* (mula) daripada situlah. Tapi kalau nak luas lagi, kene keluarlah jugakkan? Tapi bila nak keluar tu kita perlu bantuan. Kita perlu ada pekerja, itu kata orang kene siapkan kos yang tinggi jugaklah kalau kita ada pekerja. Jadi kita buat tu kita kata – andai kata untuk – untuk menampung diri sendirilah tak boleh nak kembang lebih jauh lagi. Lagipun kita dah berumur – kita piker berumur kita dah tak boleh – tak boleh nak pergi jauh. Macam mana pun orang paksa, anak-anak pun duk *recommend* (cadangan) buat begitu mama, buat begini pasal nak gunakan kita punya nama ada lagi, masih lagi orang kenal – tapi sebenar kita terpaksa tolak, sebab tu yang buat ni untuk yang muda je. Awak buatlah tapi mama tak boleh nak buat. Kita bagi *support* (sokongan) je dengan diorang. Kalau dia perlu bantuan kita ke kalau nak gunakan kita sebagai idola ke sebagai kata orang *trademark* (tanda dagangan) ke kita bantu je kan. Yang penting kita bagi pada diorang yang muda-muda sekarang pun nak ingatkan, kalau nak buat masa mudalah. *Even* (malah) dulu-dulu artis lain masa tahun 70-an artis dah banyak pandai. Masa *time* (waktu) DJ Dave semua, Sharifah Aini semua dah. Dia dah pandai gunakan diri kita sendiri, aset yang ada pada kita sendiri untuk-untuk buat bisnes. Pasal orang tahun 60-an punya yang macam apa ni pop yeye semua. Kalau dulu macam cukup-cukup makan jelah. Dia tak – orang dulu memang tak tahu pasal diorang apa ni *start* (mula) musik diorang pun masa tu diorang muda-muda lagi 16 tahun, 17 tahun. Dulu memang Nampak matang budak-budak dulukan. Haa sekarang – tapi bila buat tahun 70-an diorang pandai dah buat bisnes, dia kumpul duit, dia buatlah *production house* (rumah produksi) lah apa semua kan. Orang dulu memang – daripada situ DJ Dave tu dah – dah boleh buat bisnes besar. Tapi kita nak tengok pada diri kitalah sebab tak usah harap orang lain yang penting diri kita. Siapkan diri kita sendiri. Contoh dia diorang macam tu sampai sekarang tengok diorang banyak yang kaya-kaya sekarang. Sekarang peluang diorang banyak, bayaran diorang mahal. Sorang kalau pergi je *dinner show* (majlis makan malam) jekan 20 ribu, 30 ribu nak menyanyi setakat 10 – 5, 6 lagu je. Sekarang diorang tengok pada nama je sebenar. Menyanyi biasa je bukannya takde apa, lagu diorang dah naik haa diorang dah bolehlah. Tapi memang nak panggil diorang tu memang puluh ribu.

**SNFB: Jadinya yang menjadi inspirasi untuk puan menjebakkan diri dalam bisnes ni macam yang puan cakap tadilah?**

ZI: Yelah

**SNFB: Erm (sedang berfikir) boleh puan siapa memberi pertolongan, semangat pada puan untuk buat bisnes masa tu. Mungkin ada kata-kata seseorang ke suami ke keluarga ke?**

ZI: Ye, dorangan tu ehem(membersihkan tekak) kita diri sendiri lepastu *family* (keluarga) tahu apa yang kita buat tu erm (sedang berfikir) daripada kita sendiri diorang *encourage* (menggalakan) kita macam diorang bagi sokonganlah apa yang kita buat tapi kita memang suka rendahkan diri kita thu kita cakap – suruhlah buat macam mana pun kita tak mampu nak buat, kita tak sihat haa kita -- bukanlah kata nak melemahkan diri sendiri ke apa haa tapi kita tak tahu siapa yang kita boleh harap yang ada ni siapa yang kita boleh harap. Kita tak tahu, masing-masing dah ada kehidupan sendirikan. Anak-anak pun dia tak minat dengan apa yang kita buat, diorang ingat nak makan je, bende ni kita boleh – kalau nak masak-masak diorang taknak belajar macam mana nak masak. Tak ada orang yang kita boleh haraplah, yang boleh nak meneruskan, kalau kita takde pejam terus macam tu habislah dengan dia-dia sekali berkuburlah dengan dia takde, haa jadi kita tengok jugak kalau ada yang kita boleh harap, bolehlah kita turunkan pada diakan. Tapi masing-masing dah ada kepandaian, dia buat dia suka apa , nak buat apa yang dia suka. Jadi kita kenelah ikutlah – ikut *trend* (keadaan semasa) lah. Kita buat tu hanya kepuasan, dapat berkumpul panggil kawan-kawan datang ke jadi dia – dia tolong *recommend* (cadangan) dekat sini sedap, dia kata macam kita sekarang kita dulu kita buat kedai makan, kita buat nasi ayam penyet, masa tu *trend* (keadaan semasa) ayam penyet. Kita buat kita punya menu sendiri, kita punya resepi sendiri, kita buat laksa Johor. Kalau kawan-kawan masih ingat lagi kita punya laksa Johor memang kata Zalifah-zalifah. Kawan-kawanlah antara kawan-kawan pasal kita ada jugak buat *order* (pesanan) makankan. Tapi kita buat yang – yang sedap makan sendiri orang lain boleh – boleh rasa. Kalau ehem (membersihkan tekak) pergi mana-manakan macam laksa Johor (bunyi batuk) *especially* (terutamanya) pasal kita dulu tak pernah makan laksa Johor pasal kahwin dengan suami, dia orang Johor jadi kita nak tengok apa yang spesial kita suka makan bende tu, kita *modified* (ubah) bende tu jadi bende tu dah jadi kata orang ingatan. Bila diorng makan mana-mana tempat pergi tu kan nanti diorang pandang kita pasal apa diorang tahu laksa Johor memang banyak orang suka. Orang suka laksa Johor abistu bila diorang dah rasa kita punya makanan tu bila pergi dekat tempat lain berebut-rebut laksa Johor. Susah nak dapat laksa Johor hari raya je boleh kita buat kalau hari lain kita malas nak buat. Lepastu diorang pandang apasal (sambil tunjuk mimik muka dan ketawa) macam ni muka buat muka macam ni. Diorng tak puas tak puas hati makan jadi kita pun kalau kita makan empat orang pun kita sakit hati jugak lagi satu tak dapat apa citarasa kita sebenar. Laksa Johor

memang banyak – banyak *version* (versi) lah banyak tu – tapi bila diorang bagikan menu dia punya resepi dia – dia punya *ingredient* (bahan-bahan) dia kita tengok tak ada satu bende ni yang tu memang bukan dialah, rupa je dia tapi rasa dia bukan dia. Kita nak bagi satu yang berkualiti kata orang yang orang boleh ingat, yang rasa tu tak lari dripada orang dulu memang selalu ikut rasa orang tua. Arwah mak walaupun orang kampung tapi air tangan dia tu takkan dapat sampai sekarang yang kita ingat. Tapi takde adik-adik yang lain hendak. Diorang nak rasa je tapi diorang tak nak fikir macam mana nak buat. Haa tulah *aunty* (makcik) kata kalau kata kita mesti ingat yang lama tu lagi bagus dari sekarang yang ada, yang dah ubah-ubah sekarang tak tahu apa rasa. Kita nak buat suatu yang berkualiti.

**SNFB: Jika puan tak kisah, boleh tak puan berkongsi kepada kami kenapa puan tidak meneruskan kerjaya puan sebagai penyanyi.**

ZI: Penyanyi sebagai penyanyi bukan tak meneruskan, kita masih lagi tapi kita mengikut pada pasaran, pada keupayaan kita. Kalau takde orang yang *organize* (menguruskan) sesuatu untuk bagi kita tonjolkan diri, kita tak boleh jugak nka menyanyi ni. Setakat menyanyi suka-suka je kita orang jarang – kata erm (sedang berfikir) dekat rumah nak menjerit-jerit takde. Menyanyi ni hanya dekat tempat dia je. Dia takde terlalak-lalak ni semua. Kita jaga kualiti jugak tapi bukan tak nak meneruskan tapi bendenya tu kalau takde, kita takdelah. Tapi bila pergi mana pun pasti diorang akan cari penyanyi kan. Bila pergi – kalau pergi mana-mana orang kahwin ke mana kalau dia tahu nampak je mesti diorang panggilkan. Jadi kita kadang pergi tu bukannya nak menyanyi nak *attend* (menghadiri) kenduri, tapi tak boleh nak lari daripada situ. Sampai-sampai ada orang nampak je *trademark* (tanda) – memang diorang nampak je macam mana pun diorang akan kenal. Kita diam je pura-pura je macam – macam pernah perasan, macam pernah tengok – bukannya semua orang pernah tengok kita dulu macam ni kan. Diorang hanya dengar, dekat Seremban ni pun duduk diorng tak tahu yang kata kita duduk dekat Seremban. Tahun 2000 kita duduk dekat sini kan. Pernah dengar tapi tak tahu mana kita duduk. Padahal depan mata kau je.

**KNA: (ketawa)**

ZI: Yelh dah duduk dekat sini tahun 2000, anak-anak semua sekolah dekat sini dekat senawang. Senawang tu dulu kira macam kampung. Tapi kita *join* (sertai) PIBG semua dekat sekolahkan. Anak-anak semua – guru besar semua panggilkan dia tengok, di tak sangka yang kita ni PIBG

punya orang. Budak-budak sekolah – anak-anak semua. Yelah, dia kata semua cikgu-cikgu kenal mama, diorang pun tak tahu yang kita ni penyanyi.

**KNA: Ohh (menganggguk faham).**

ZI: Dia tak tahu, pasal masa diorang ni kecil lagi, kita kurang – kurangkan aktiviti pasal kita sibuk dengan keluargakan. Nak besarkn anak-anak bukannya senang.

**KNA: Betul**

ZI: Jadi kita yng nak kena – jadi kene kurangkan aktiviti kita, jadi orang tak boleh paksa. Kita sendiri tak boleh nak buat. Tapi bila budak dah besar-besar, kita dah mula nak cari kawan-kawan kita balik. Kita jengah je, seronok jumpa macam ni kan. Jadi kita rasa kita nak buat balik, nak cari duit jugakan. Tanyalah dengan diorang, bagitahu dengan diorang kita dah boleh aktif balik semua, nanti diorang panggillah. Pasal kita masih boleh menyanyi, suara ni masih ade boleh menyanyi. Jadi kita tak nak benamkan macam tu aje. Bila kita tonjolkan diri, baru diorang tahu, kalau duduk aje sini terperuk, takdelah. Kita kene bagitahu dengan kawan-kawan orang ni masih wujud, masih ade dan masih boleh lagi. Diorang tercari-cari jangan kita matikan diri kita.

**SNFB: Sepanjang penglibatan puan dalam industri tanah air kita ni, boleh tak puan kongsikan pada kami anugerah atau pengiktirafan yang puan pernah perolehi?**

ZI: Pengiktirafan tu yang tinggi tu takdelah tapi kalau kata daripada mula menyanyi, masuk apa pertandingan pun memang *aunty* (makcik) ada tempatlah. Selalu ade tempat. Dulu kita memang – diorang selalu bagi piala-piala besar-besar tu kan, tapi makin dah lama dah tak larat nak *polish* (kilatkan) *so* (jadi) sekarang orang nak tanya balik, nak cari khazanah-khazanah lama tu – kita semua dulu dah *last* (terakhir) masuk dalam stor lepastu tak tahu ke mana. Kalau tidak dulu tiap-tiap tahun laa duk gosoklah barang-barang tu semuakan. Apa yang kita dapat tu kan, tapi memang kalau tiap masuk pertandingan apa pun memang kita ada tempatlah. Pernah dapat macam expo panggil menyanyi, kita menyanyi lagu jepun. Kita dapat peluang pergi *overseas* (luar negara) pergi jepun, hadiah-hadiah dia semua tu kan. Adalah memang kita ada kenangan, tapi sekarang banyak kenangan tu dah terlebur dah pasal stress tu kan, sekarang nak barang-barang – bila yang lama-lama diorang takda – kita sendiri pun tk berapa *appreciate* (hargai) sangat sebenarnya khazanah tu, memang orang carilah nak tunjukkan yang kita dalam

apa yang kita berkecimpung sekarang. Tapi kalau nak cari tu takdalah kenangan-kenangan apa lagi, melainkan untuk tu jelah – yang tinggal sikit-sikit tu.

**SNFB: Anugerah yang puan terima tu tahun bila ea? Contoh yang dekat jepun tu.**

ZI: Erm nak ingat tahun tujuh puluh – itu tahun 70-an. Awal-awal peringkat, masa tu sekolah lagi. *Inter school talent time* (pertunjukan bakat sekolah menengah) pun antara sekolah-sekolah satu semannjung pun *aunty* (makcik) masuk juga. Masa tu Nur Kumala Sari masuk, masa tu kita sekolah lagilah. Buat dekat Dewan Tunku Canselor. *Aunty* (makcik) kecil, orang lain semua besr-besar tinggikan, kita yang kecil, tapi kita yang menang. Dapat *medal* (pingat), dpat hadiah dia dapat – yelah *first prize* (hadiah tempat pertama) kan, orang dengan kereta, kita (sambil membuat reaksi menjunjung barang) nasib baik ade bawa geng, yang tukang junjung hadiah tu besar kotak berjunjung. Pergi naik teksikan, nak sampai Dewan Tunku Canselor, keluar dari Dewan Tunku Canselor baru dapat *transport* (kenderaan) pecahkan bende tu, buka kotak-kotak tu semua dekat tepi jalan tu bawak je isi dalam bawa masuk dalm teksi. Itu kenanganlah, kita takde apa-apa kan, budak-budak. Masa tu dengan *group* (kumpulan) pancasitara yang terbaru macam Fauzi Samad punya *group* (kumpulan) dia ada *group* (kumpulan) pancasitara macam P.Ramlee punya *group* (kumpulan) yang itupun masuk juga dalam apa tapi semua budak sekolah menengah tinggilah. Masa tu dia *form 5* (tingkatan 5) kita *form 2 form 3* (tingkatan 2 tingkatan 3) macam tu. Jadi kenangan-kenangan tulah tengok pada kita – kita macam baru sangat nak menceburkan diri.

**SNFB: Mungkin puan boleh kongsikan apakah sumbangan puan terhadap industri seni dekat Malaysia?**

ZI: Sumbangan kita bagi *service* (khidmat) kita sebagai penyanyi, sumbangan tu rasanya taklah terlalu besarkan, tapi kalau diperlukan kita sentiasa ada. Kalau misal kata kita tak pernah *demand* (minta) berapa yang diorang – diorang mesti menghargai apa yang kita buat, diorang mesti ada bajet, kita tak pernah *demand* (minta). RTM pun kalau dia panggil kita untuk pergi kemana-manakan missal pergi keluar ke buat *event* (majlis) kita tak pernah tanya pun berapa, panggil okay kita pergi tapi diorang fikir sendirilah ada token-token apa-apa yang *signs* (tanda tangan) kontrak tu maknanya kita adalah imbuhan kita dekat situ tapi kita tak pernah *demand* (minta) macm sekarang dulu memang kita tak boleh *demand* (minta) kalau kit *demand* (minta) nanti RTM *ban* (sekat) kita. RTM la kira macam untuk artis-artis ni, RTM yang itu – rambut panjang tak bolehkan dulukan tak boleh kene kerat. Kalau tidak nanti kene *ban* (sekat) macam

kita tak boleh kata – disiplin kita pergi mana-mana kita tak boleh pakai sebarang, kita kene *ban* (sekat). Pernah kene *ban* (sekat) pergi dekat RTM diorang buat tak tahu je, rupanya sudah keluar kita punya pos pakai bikinilah apa semua. Kalau takde keluar dekat radio, takdelah kita. Diorang memang – ada je *report* (laporan). Tapi dulu banyak dulu skandal-skandal, sekarang pun diorang banyak *take advantage* (mengambil kesempatan) dengan orang-orang macam ni. Tapi dulu semua simpan je, apapun diam aje padahal skandal tu memang banyak. *Producer-producer* (pengarah) tu semua ada. Tapi kita jagakan kalau kita propa macam tu *havoc* lah (kecoh) tapi orang dulu apa yang orang sekarang buat kita bukan tak boleh nak buat tapi kita nak jaga personality kita, maruah kita tapi sebenar dugaan tu memang ada untuk semua artis-artis ni orang semua memang ada lagi yang lawa, yang itu memang jadi rebutan kalau tidak takkanlah sampai sultan pun ambil.

**KNA: Betul**

ZI: Tu semua kita tak ketengah bende tu sangat pasal menjatuhkan maruah dia kan tak sama-tak sama macam sekarang. Artis sekarang nak cakap dia tak berapa hormat – dia tak *respect* (hormat) yang lebih senior padahal semua baya mak dia kan. Bila kita pergi satu majlis yang besar tu memang ade satu tempat untuk semua veteran tpi itu budak-budak sekarang ni dia buat tak tahu. Dia rasa macam diri dia ni besar sangat dengan fesyen dia dengan apa dia tak pandang ni yang semua ni baya mak kau ni. Pergi je salam ke *aunty* (makcik) ke, diorang ni pun ego juga tapi yang bagus macam Siti Nurhaliza semua macam Ziana Zain semua diorang jaga, diorang datang – nampak je kan ni *group* (kumpulan) semua veteran dia datang walaupun dia tak pernah tegur orang tu tapi dia tahu yang orang ni yang dulu daripada dia datang. Tu yang kiteorang semua bila yang tua-tua ni kana da yang sensitif, dia hormat makna orang saying dekat dia. Kalau yang ini tunjuk buat tahu macam ini je kitaorang pun buat tak peduli je. Kau siapa yang aku nak itukan. Tempat kau dimana, kita masih lagi lalu di karpet merah ini. Tapi kita orang lama kita kene *respect* (hormat) orang yang lama. Personaliti kita nak jaga disiplin kita nak jaga. Kadang diorang takde disiplin kebanyakan, selalu kita yang vetern ni datang awal kalau dapat dipanggil, kita yang datang awal tak nak lari daripada masa, kita yang menunggu yng muda-muda ni. Tu pasal tak lama kita tak tahu bila dia naik dan bila dia jatuh, hilang begitu je. Takde, tak sama macam yang dulu, dulu kalau kita dengar radio, kita dengar ni siapa masih lagi kita tahu orang ni yang mana. Sekarang ni nasib baik keluar dekat TV lagu yang kita ingat tu kan yang kita tahu oh ini penyanyi baru kita perasan. Kalau tidk kita tak tahu siapa kita nak

jaga tulah, tu yang orng lama boleh bertahan walaupun dia tak dapat peluang nak menyanyi di tempat mahal-mahal tapi takpelah tetap orang kenal juga.

**KNA: Pendapat puan kana pa sebabnya jadi macam gitu, maksudnya diorang takde hormat dekat artis yang lama tulah?**

ZI: Pasal perasaan ego riak pasal diorang naik tu cara mendadak – tiba-tiba je. Sekarang orang nak tengok muka lawa je, suara tak sedap takpe, itu ada pasaran pada dia tu pun berapa lama. Benda yang ada harga dengan yang takde harga nil ah dia, yang tua-tua ni takde harga terlalu tinggi dia punya harga. Harganya tak ternilai, yang muda-muda ni kau tetapkanlah kau RM3000 satu malam ke apa. Berapa lama – takde macam orang kata takde kuburlah, diam je gitu.

**SNFB: Tapi sekarang memang macam tu ea puan contoh macam saya ada baca artikel artis-artis ni ade pelakon tu dibayar RM150 je.**

ZI: RM150?

**KNA: Haa artis veteran, kira diorang ni tak berapa nak dihargailah**

ZI: Ye memang betul, sekarang orang lama patutnya lebih lagi tu, ini makin lama makin takde harga.

**KNA: Itulah patutnya diorang ada nilaikan.**

ZI: Orang sekarang memang tak pandia nak menilai bende yang berharga tu. Yelah memanglah dah tua tu takdelah rupakan tapi tengok mutu lakonan dia, yang sekarang ni kalau nak cari yang tua, banyak boleh bagi peluang pda yang veteran-veteran ni. Kalau dia berlakon yang tua bagi yang betul-betul tua, dia boleh berlakon, dia boleh hidupkan, tak payah kau nak *make-up* (solek) macam mana nk bagi coreng-coreng nak bagi nampak kita punya *line* (garisan) tu semua, bagi yang betul-betul tua. Dia duduk diam je, diorang takde kerja apa bagilah diorang boleh berlakonkan. Walaupun peranan apa jadi mak tu pun kalau banyak dia punya *part* (bahagian) tu kira macam *leading* (utama) lah jugakan. Dia nak cari yang berkarektor tapi sekarang takde, yang muda tu didulukan. Pasal dia ada namakan, yang lama yang tua pun ada nama tapi dah diorang takde pulak yang tua sangat tapi bila kita tengok cerita orang putih memanglah orang putih jadi *hero* (watak utama) pun kita tak kisah kalau cerita melayu ni kalau

orang tua biar orang tua betul jangan di *make-up* (solek) kan. Kita tak boleh terima orang muda jadi orang tua.

**SNFB: Ada je cerita macam tu (sambil ketawa).**

ZI: Haa itulah memang diorang pasal pandai *jack* (bodek) dia *jack* (bodek) *producer* (pengarah) sikit kata orang tua *demand* (minta). Mana ada *demand* (minta) orang tua tu kalau dapat dia seronoklah dia dapat berlakon. Tu pasal diorang kerja, takde *job* (kerja), tapi yang bru ni kita pergi dekat Yayasan Artis Veteran sekarang penaung kita daripada radius filem *production* (produksi) laki Wan Sharlina. Jadi dia bagi sumbangan kita – orang nak bersedekahkan kita nak cari yang tua-tua ni kan patut pun dia dapat. Dia jadi penaung kita, dia bagi *transpot* (kenderaan), dia bagi sumbangan untuk yelah dia punya orang kata zakatlah kan. Jadi kita yang tua ni kan tkdelah sedih sangat. Rasa di*ppreciate* (dihargai) sangat.

**KNA: Baru rasa diri diorang ni dihargailah?**

ZI: Haa tapi diorang nak *job* (kerja) tu dia kata janjilah bagi peluang untuk harga tu – merasai harga yang tinggi sikit. Pulak makin turun mna tak mengamuk macam Fauziah Nawi semua tu. Mana tak mengamuk dioragkan. Tengok berlakon tak berhenti-henti berlakon jadi mak – mak sedih, kira berkualitilah tapi harga makin turun. Ada je muka baru naik orang tu yang lebih dapat, yang tua ni sam juga tenaga kerja dia kan nak baca skirp jugakan. Tulah kadang sedihlah kita punya orang ni kira sedih. Nasib baiklah ada persatuan yang membantulah dapat perjuangkan, kita tak boleh berjuang diri sendiri je, kita kene *group* (kumpulan).

**KNA: Betul.**

ZI: Tu kesian tengok banyak yang tu – kita belum sampai ke tahap tu, kita diam jelah. Kita bersyukur kalau bende tu diorang ambil pakai. Nasib insan (sambil ketawa).

**SNFB: Kalau diberi peluangkan puan, puan masih nak menyertai tak program nyanyian contoh macam Gegar Vaganza ke?**

ZI: Pertandingan ni kita pernah kan – TV3 kan yang macam Kilauan Emas pernah juga, pergi buat *audition* (ujibakat) juga ni. Tapi diorang fikir eh ni mana boleh ni *recording artist* (artis rakaman). Kita *recording artist* (artis rakaman) dulu-dulu lama dah, dah tak keluar lagi tapi kita tak tahu sejauh mana kita punya tahap boleh menyanyikan. Kita tak boleh, artis yang ada *recording* (rakaman) walaupun dah bertapa pun tak boleh masuk. Dia nak yang *immature*

(kurang pengalaman) yang betul-betul tak pernah buat rakaman. Tapi kita tengok daripada situ, masuk *audition* (ujibakat) je kita punya kemampuuan tu takde. Kita boleh menyanyi tapi kita kerana kesihatan macam orang ada darah tinggi semua. Kita bila cakap kene bertanding semua kit memang *nervous* (gelisah) macam masa tulah *pressure* (tekanan) naik semua macam satu tekanan tau.

**KNA: Ohh puan sampai sekarang pun *still* (masih) rasa *pressure* (tekanan) tu ea?**

ZI: Penyakit tu memang ada, orang yang ada simptom ni memang dia tak boleh terkejut, dia tak boleh ada *pressure* (tekanan) macam kalau kata bertanding, memang kita akan takutkan. Kalau bernyanyi kita rasa bebas, yang ni salah pun tak kisah, yang ini kan kita nak kene fokus betul-betul. Masa kit abuat *audition* (ujibakat) tu pun, satu macam takut. Lirik pun kadang terlupa, lain kalau kita menyanyi lagu yang kita dah biasa nyanyi dah memang dekat mulut dah dia punya sarikata. Tapi kalau bertanding tu dia bagi lagu sarikata masa tu kita nak hafal. Itu pada orang muda tu boleh, pada orang yang dah berumur macam kita yang ada penyakit ni *especially* (terutama) yang ada penyakit ni memori kita memang dah ni (sambil geleng kepala). Memang nak masuk kalau diorang panggil tu – memanglah dia akan cari yang lama-lama, kita umur pun dah meningkat dah 65 jadi dia nak cari yang muda yang dibawah sikit. Kalau diorang panggil dapat offer, kita memang tak boleh nak terima pasal apa makin lama sekarang makin kuat, makin *tough* (kental) cara diorang. Dulu takde ni sekarang ni kita tengok terciap-ciap nak menyanyi tu. Macam si dangdut tu kene basuh dengan si M.Nasir malukan dia kan nyanyi dia boleh menyanyi dangdut. Dia bila bagi kepada *genre* (tema) lain dia dah tak boleh menyanyikan apa dah dikutuk. Diorang ingatkan bila kita dah jadi penyanyi tu pro-lah kononnya jadi pro tak boleh nak buat silapkan. Kita taknak bende tu berlaku dekat kita kan. Bila diorang kutuk mcam tu malukan, itu jadi satu tekanan juga jadi kita fikir kalau ada *offer* (tawaran) pun kita akan – kita dah tahu kita tak boleh sampai *stage* (peringkat) tu gemuruh tu kita tak boleh. Lupa kadang kita *blank* (kosong) tau.

**SNFB: Yelah ramai tengokkan.**

ZI: Ramai tengok lagi tu tak keupayan kita pemikiran kita nak menghafal lagu dengan yang macam-macam yang kita rasa tak mampu. Tapi *salute*-lah (hormat) siapa yang dapat tu kira yang baru yang lama sekarang kalau boleh buat memang kita kira diorang bagus lah diorang kene berlatih betul-betul latihan pergi dekat sana tu kene kosong otak ni baru dia boleh terima apa yang yang orang ajar dekat situ. Kalau nak kata biasa kalau takde latihan tak boleh, nak

jaga teknik suara tu kana da vokal kelas, nyanyi biasa-biasa kit dah biasa nyanyi tu takde bende, yang orang kasi tu, tengoklah yang macam dato' tu nyanyi dia punya lag utu macam nak mampus kesian tengok tapi dia boleh bawa juga boleh keluar dekat TV tu kira dah baguslah tapi tak tahulah macam mana penyeksaan dia nak menghafal lgu. Orang dah biasa lagu 4 rangkap, ni tiba kene berjeler macam tu. Kene rap lagi haa nak berlawan lawan lagi, ya allah tu (sambil ketawa) nak rap pun tak reti, kita tahu mendatar je. Memang kene *tough* (kental) makin lama makin *tough* (kental) diorang tak fikir orang ni orang lama ke apa dia fikir macam orang ni sama je, sama macam orang muda. Tapi tulah pasal duit tu besarkan hadiah dia orang redah jugaklah. Makin lama tu kalau yang tua-tua sangat tu tak usahlah kejar, mati dibuatnya. Kesian kene marah-marah kene caci. Kita tak boleh tu kita tak usahlah, kita kene fikirlah juga, janganlah nak hentam. Orang pro ni kita nyanyi *recording* (rakaman), *recording* (rakaman) ni satu hari pun kita boleh menyanyi, sikit sambung lagi sikit sambung lagi bukannya terus menyanyi *straight* (terus) macam tu haa matilah orang tapi ada yang boleh bawa tu memang kita *salute*-lah (hormat).

**SNFB: Jadi pendapat puan program-program macam tu wajar tak diadakan, dia macam mana cakap dia program-program macam tu dia macam mengasah *skill* (keupayaan) penyanyi veteran ke macam mana. Wajar tak bagi puan?**

ZI: Tak kita setuju juga sebab bende ni kita fikir juga kalau diorang buat pertandingan-pertandingan apa tu kita bagikan kategori tu sama yang kata peringkat veteran, veteran je kita sama-sama. Jangan bagi campur aduk dengan yang muda nak lawan dengan veteran susah. Tapi peluang tu bagus kita dapat kita dapat uji diri kita haa sejauh mana kita boleh lagi ke tidak mencabar lagi ke tidak. Kita suka juga macam tu tapi kalau dia dah bagi pilihan lagu yang terlalu perit bagi dioarang tu, diorang kene buat juga macam kita paksa diri kita buat bende yang kita tak suka tapi kene juga buat tapi okay jugalah kalau dia boleh buat, yang kita tengok apa yang dah keluar sebelum tu kita tengok macam mana diorang punya penyeksaan diorang tu bukan semua orng nyanyi boleh ikut *trend* (keadaan semasa) dia punya *genre* (tema) bukan haa orang nyanyi lagu asli tak boleh nak tolak ke lagu pop ke apa lenggok dia lain tapi dia kene bentuk diri dia juga. Kalau dia boleh melakukan tu memang baguslah kan tapi kalau yang kita tak boleh tu – tapi kadang terfikir juga kalau orang panggil tu kita tak boleh nak buat kita nak tarik diri boleh ke tidak (sambil ketawa) kita fikir tak boleh tapi kene tahanlah. Orang cakap biasa jelah kan tapi kalau kita pandang duit memang hadiah tu memang besar.

**SNFB: Macam hadiah tu kalau menang terus dapat ke ada *delay-delay* (penanguhan)?**

ZI: Adalah diorang punya cerita tu dapat tapi entah bila zaman nak dapat tu. Bukannya boleh tu – diorang pun bisnes kan masa yng kau nak buat tu memang kau ada duit bila kau nak bagi hadiah dekat orang duit kau takde pula. Jadi terpaksalah dia fikir yang lain pula. Takdenya kata terus kau dapat ni kau jadi kaya, takde tengok macam tu juga orang tu, tanya duit dah dapat? Tak dapat lagi.

**SNFB: Tak boleh buat macam *press conference* (perbincangan secara terbuka) cakap tak dapat lagi ke?**

ZI: Eh diorang ada yang mengamuk macam si Aisyah tu kan dapat bende daripada si diva tu yang barang kemas berapa tu. Tu sebenarnya kata palsulah apa, tapi dia pergi mengamuk juga. Dah bergaduh dengan dia tu kan. Dia nak kat dia punya barang betul tapi bila dia tengok bende tu tak betul macam tulah. Diorang nak jaga nama je diorang sebenar nak popular je.

**KNA: *Means* (maksudnya) diorang nak *create* (cipta) kontroversi tulah.**

ZI: Memang ada kontroversi kita dapat betul-betul, kalau duit cash dalam tangan tu kita dapat takpe, ini nak tunggu ceritanya aje, bagi je dia punya tu check dia tu tapi sebenarnya duitnya tu tak dapat. Kalau dapat tu baguslahkan mewahlah diorang. Bab-bab duit ni kadang selalu memang lewatlah.

**SNFB: Kesianlah pada siapa yang menang tu**

ZI: (gelak) tapi bila dah menang tu kan lain pulak cerita. Macam Mamat tu semua dapatkan, Mamat dapat bahagian Za jugak kan

**SNFB: Ha betul (sambal mengangguk)**

ZI: Ha yang tu. Dah ni lain, dah ada rekod yang tak bagus tu jugak kan, dapat pegang duit, lain pulak dia punya cerita.

**SNFB: Hilang terus.**

ZI: Ha disambung aktiviti dia yang itu. Dia tak jagalah, sayang kan

**KNA: erm (mengagguk setuju)**

ZI: Orang dah boleh terima , kau ada nama lagi. Dek kerana nama kau tu jelah orang pegang. Dari segi displin dia memang dah hancur la kan. Tapi dia bagi Tuhan bagi peluang lagi kan,

kau buat dapat rezki, tapi tak jaga. Rezki tu pun takut lah jugak nak datang dekat kita kan sayang.

**SNFB: Dia terus takda lagi masuk tv. Dulu ada juga.**

ZI: Erm (tanda setuju) takda lepastu dah dapat terima habis macam dia dah dapat untuk seumur hidup dia dapat. Ha habis. Kesianlah diorang tak jaga. Tapi kita rezki tu datang dari Tuhan kan. Tapi kalau kita buat walaupun lama, lambat, tapi dapat jugak rasa. Imej lah, kena jaga disiplin. Yang penting disiplin kita perlu jaga.

**KNA: Jadi artis ni macam mana sekalipun disiplin perlu jaga lah.**

ZI: Disiplin. Kalau itu sekali dengan *stress* (tekanan) keluar hancur. Sampai jalan pun kita takt ahu macam mana nak melangkah, terlampau *concentrate* (menumpukan perhatian) dengan apa yang kita buat kan, jadi malu.

**KNA: Jadi bagi Puan, artis-artis yang diorang nak naik dengan menggunakan kontroversi ni bagi puan macam mana?**

ZI: Tak lama, tapi dia punya *bad reputation* (Reputasi buruk) kan. Nama tu kalau dah buruk, susah. Family involve (Keluarga Termasuk) semua, bukan kita sorang je. Kita hidup takda orang buat rileks (tenang) je dengan cerita-cerita tapi kalau sengaja pasal business (perniagaan) ada yang buat terlebih-lebih sangat dia tak peduli. Tapi kita kalau sekarang ni netizen-netizen (warganet) banyak ni kan leceh. Dia hentam ikut suka je sampai terduduk terduduk kita dibuatnya. Malu lah, tak usah lah. Kalau nak buat tu biar cara yang jujurlah, cara yang boleh tahan lama.

**SNFB: Lepastu ada yang suka create (buat) kontroversi.**

ZI: Ada memang ada.

**SNFB: Memang naik eh *rating* (penilaian) dia kalau kontroversi?**

ZI: Sekarang punya cara macam tu kan. Nak naikkan *rating* (penilaian) kan tapi *bad impression* (kesan buruk). Malu lah kit acara orang yang tak betul kan. Tapi tengok boleh bertahan lama berapa lama lama boleh tahan.

**KNA: Tapi banyak producer sekarang diorang memang akan cari dari kontoversi dia akan terus ambil.**

ZI: Ya, dia cari. Dia reka cerita-cerita yang mengarut-mengarut tu kan. Tapi tak lama lah benda tu, memang tak boleh bertahan.Tengok keadaan sekarang macam mana.

**KNA: Bagi Puan, untuk masa PKP ni kan macam mana bagi Puan. Apa pendapatan artis-artis veteran?**

ZI: Pendapatan terus menjunam. Kalau tengok sekarang nasib baiklah banyak sekarang macam persatuan-persatuan yang bawah yang jaga diaorang ni dapatkan dana, nak ikutkan kesianlah. Tiada *income* (pendapatan) langsung, semua oranglah bukan kata artis je. Semua orang yang tengah *struggle* (berusaha) untuk nak teruskan hidup ni tapi alhamdulillah kalau macam daripada persatuan macam *president* (ketua) macam ajk dia yang cari peluang banyak yang dapatkan, diaorang bagi lah pada artis-artis ni yang dibawah dial ah yang berapa berapa orang ni kan. Tapi diorang bagi barang, diaorang tak bagi duit. Barang makanan tu apa sangat. Ada tu takkan bagi tepung takkan nak tepung aja kan. Bagi minyak, tak kan itu je. Kita ada tambahan tapi yang penting tu duit.

**SNFB: Kerajaan tiada bagi sumbangan duit eh?**

**KNA: Daripada FINAS, tiada bagi duit ke?**

ZI: FINAS tiada. FINAS kalau bagi pun dia melalui persatuan. Persatuan tu yang agih-agihkan kepada kitaorang. Kalau dapat tu alhamdulillah tapi nak kena ada duit jugak untuk beli yang lain-lain. Setakat beli makanan tak cukup. Kita orang perlu duit. Masih lagi rumah nak kena bayar apa semua kan. Tapi bagi tu ala kadar tu kita terima je lah. Tapi betul betul tiada. Dia orang nak kerja jugak, macam mana nak dapat kerja masa PKP tak boleh nak buat apa pun. Tapi tak tahulah macam mana hidup diorang. Kalau ada yang berani tonjolkan diri bercakap hidup susah ni, semua diam je. Yelah, anak-anak pun dah ada yang menyara diorang, yang boleh tanggung. Tapi yang sebenarnya memang sedih lah. Persatuan pun harap dana dari orang lain jugak. *President* (ketua) bukan senang nak jadi *president* (ketua) nak jadi ajk kerja kuat. Kita ni harap je menadah orang panggil, bubuh nama dekat situ, orang panggil kita pergi. Tapi persatuan sendiri pun tak aman lah diaorang. Ada persatuan dua tiga persatuan tapi bertelagah masing-masing nak kan jawatan. Nak jawatan apa, ni semua volunteer (sukarelawan). Bukannya ada persatuan kau *involve* (libat) persatuan kau ada duit masuk gaji kau, tiada. Ni semua *effort* (usaha) kita sendiri macam kita ada masa kita ada orang yang suka persatuan kan dia tak boleh duduk diam juga, dia ada idea tapi diaorang taka da *income* (pendapatan). Dia nak ada *income* (pendapatan) sendiri, nanti dia keluar duit sendiri pergi sana pergi sini duit sendiri jugak. Mana nak cari. Kadang diaorang berebut , bertelagah, tiada yang aman.

Whatsapp ni kan, sekali bukak je seribu. Tu yang nak padam semua kan, penatlah. Penat tengok diaorang ni macam orang takda apa nak buat sebenarnya. Tapi tulah fikir diaorang tada duit nak makan apa semua, macam Delimawati, tapi sengsara je tengok macam tak cukup je duit. Delimawati tu semua kan, kita tengok dari situlah, ni siapa yang bising-bising ni, dalam hati susah sangat ke orang ni, berlakon banyak tapi baru ni jelah dapat berlakon balik. Pindah sana pindah sini, persatuan nak bayar macam mana, nak tolong macam mana. Persatuan pun taka da duit.

**SNFB: Mungkin *time* (masa) orang bagi duit dia tak beringat. Hidup dia mewah.**

ZI: ha yelah, masatu dia dapat tapi diaorang berlakon pun bukan besar sangat. Tak dapat banyak pun diaorang walaupun nama dia hebat , cerita dia yang berlakon tu macam ramai sangat penonton macam berjuta juta tapi dia tak dapat banyak mana pun.

**KNA: Royalti dia tak dapat banyak lah?**

ZI: Tak dapat, dapat sikit jelah dia bagi macam token-token je. Tapi duit kita pakai hari-hari kan, sedih je kalau tengok. Tapi kita ni pasal kalau ikut kan duit kita tak keluar la kan, tapi kita pergi tu nak silaturrahim kita nak jumpa kawan-kawan tu kan, kita pergi jugak walaupun kelur duit sendiri tak banyak soal lah. Kita tak usah la ingat orang nak beri kita duit. Masuk sikit je dia kata boleh masukkan dia bagi seorang. Dia ramai kalau dia bagi pun RM100 satu orang, alhamdulillah ajelah. Dia masuk dalam akaun jelah.takat RM100 jelah bantu. Berapa har inau, sekejap je duit 100 tu kan. Sebab dia ahli ramai. Kalau dia bagi sorang RM100, kalau satu persatuan tu 200 lebih dah berapa banyak duit nak habis, siapa yang nak bagi duit tu. Nak cari *income* (pendapatan) mana lagi, nak buat *show* (persembahan) siapa nak tengok. Orang semua dah lembik lembik tu nak tengok, semua tak ada. Hanya ihsan, mintak pada kebajikan masyarakat lah, ke Menteri lah, bawak Menteri *dinner* (makan malam) mana, Menteri dating kononnya nak bagi bantuan pada yang veteran-veteran ni, tapi dia punya *details* (butiran) dia bagi borang tu nak isi, nak pergi cop sana cop sini tu yang tak mampu.

**KNA: Ohh**

ZI: Dah mana diorang pergi dekat pejabat mana nak dapatkan pengesahan, nak dapatkan sijil. Mana ada slip diorang kerja. Takde nak akaun bank semua apa bende KWSP nak tengok dia punya tu birokrasi diorang tu terlalu banyak sangat. Nak bagi, bagi jelah orang ni dah susahkan. Bila dapat tu tak dapat rumah daripada kerjaan pergilah haritu, ada yang dah dapat PPRT semua adalah dapat tapi tak ramai jugaklah. Pasal dia nak tengok ada yang *declare* (diistiharkan)

bankrupsi apa semua kan, tak dapat. Dapat PPRT jauh-jauh macam kata nak bagi, bagi orang senang tapi sebenarnya susah. Susah nak lepaskan duit kerajaan kepada orang-orang ni. Bagi macam nak tak nak je. Sedihkan PPRT ni semua.

**SNFB: Ni soalan terakhir daripada kami ye puan. Apakah harapan puan untuk industry seni tanah air kita?**

ZI: Harapan tu memang tinggi. Daripada apa penelitian kita, kit punya pecampuran, kita harap industri kita ni takkan matilah dan akan terus perkembang tapi kalau ada kata orang virus-virus ni yang tak elok tu bende ni akan terbantutlah kan, takkan dapat berjalan lancer apa yang diorang rancangkan. Jadi kita harap-harap bende ni berterusan dengan cara yang baiklah kan. Dapat berbagi rezeki dengan pecinta-pecinta seni tanah air kita. Bukan semua orang senang, banyak yang susah dari yang senangkan. Tapi tu sentiasa kata orang mengadu domba ni tak boleh dia akan mati gitu. Tapi kalau ada industri yng muda-muda ni banyak peluang buatlah, carilah peluangkan yang boleh menggunakan asset yang ada dekat kita ni untuk cari kekayaan ke buatlah tapi cara berkhemah. Hanya nak ingatkan artis-artis muda macam sekarang ni fikirkan apa yang kita buat tu, kit tak tahu berapa lama kita boleh bertahan tapi buat dengan cara yang eloklah. Kene hormat dengn orang yang lebih senior lagi, jangan ego lah sebab bende ni tak kenal lama tu yang muda yang tua-tua ni enjoy kita cari jalan macam mana nak tenangkan diri kita nak cari kedaiaman, kita sendiri tahu orang lain tak.

**KNA: Baik terima kasih puan itu je kut untuk sesi temuduga pada hari ini, saya mat berterima kasihlah dekat puan sebab sudi bekerjasama dengan kitaorang.**

ZI: Ye sama-sama.

# 6.0 LOG TEMUBUAL

| MASA | ISI |
|---|---|
| 0:00-13:11 | **LATAR BELAKANG DIRI SENDIRI:**<br>- Nama sebenar Shareefah Ibrahim, nama pentas Zalifah Ibrahim.<br>- Mula menyanyi tahun 1969, umur 15 tahun.<br>- Berasal dari Kampung Datok Keramat, Kuala Lumpur.<br>- Mulakan karier menyanyi daripada band The Next of King. |
| 13:11-16:29 | **LATAR BELAKANG KELUARGA:**<br>- Keluarganya berasal dari Kuala Lumpur juga, anak jati Kuala Lumpur.<br>- Mempunyai sepuluh (10) adik-beradik dan merupakan anak keempat (4). |
| 16:29-17:35 | **PERTEMUAN DENGAN SUAMI:**<br>- Perkahwinannya dengan suami pertama semasa masih muda, kemudian meninggal dunia.<br>- Suaminya yang kedua bertemu ketika menyanyi dan bahagia sehingga sekarang. |
| 17:35-19:34 | **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**<br>- Bersekolah rendah di Sekolah Kampung Datuk Keramat.<br>- Bersekolah menengah di SMK Jalan Kampung Bharu.<br>- Kemudian melanjutkan pelajaran ke ITM (nama lama bagi UiTM), tetapi sekejap sahaja. |

| | |
|---|---|
| 19:34-23:40 | **PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI:**<br>- Mula masuk ke program nyanyian ketika itu, Bintang RTM.<br>- Bermula menyanyi daripada radio dan kemudiannya barulah muncul ke kaca TV.<br>- Mendapat galakan dari penerbit-penerbit RTM pada waktu itu. |
| 23:40-26:25 | **PANDANGAN TENTANG BIDANG NYANYIAN:**<br>- Dulu, dianggap sebagai hobi sahaja. Tetapi sekarang, boleh membuat sebagai sumber pendapatan.<br>- Boleh pergi jauh, dengan syarat pandai menjaga suara dan pandai menjaga diri, tingkah laku, dan adab. |
| 26:25-36:15<br>1:00:35 – 1:03:12<br>1:05:39 – 1:07:55 | **ALBUM BELIAU:**<br>- Album pertama beliau berjudul "Posmen".<br>- Lagu tersebut mengisahkan tentang seorang Posmen.<br>- Berjaya menghasilkan 7 album.<br>- Beliau menyatakan bahawa lagu manakah impian hatiku merupakan lagu yang memberi kesan dalam hidupnya. |
| 36:15-37:10 | **PENGLIBATAN DALAM UJIBAKAT:**<br>- Dijuri oleh staf-staf RTM pada ketika itu.<br>- Juri-juri merupakan ahli muzik didalam syarikat RTM. |

| | |
|---|---|
| 37:10-38:42 | **PENGLIBATAN DALAM LAKONAN:**<br>- Pernah terlibat dalam bidang lakonan,tetapi hanya sebagai pelakon tambahan.<br>- Tidak beberapa meminati lakonan, jadinya beliau tidak fokus terhadap bidang ini. |
| 38:42-40:25 | **JEMPUTAN MEMBUAT PERSEMBAHAN:**<br>- Masih menerima tempahan ataupun jemputan untuk membuat persembahan.<br>- Masih aktif sehingga sekarang. |
| 40:25-52:01 | **PENGALAMAN PAHIT MANIS DALAM INDUSTRI:**<br>- Beliau menyatakan bahawa daripada permulaan karier sehingga sekarang, semuanya adalah manis-manis belaka.<br>- Kenangan pahit itu hanyalah ketika beliau terjatuh dari atas pentas.<br>- Beliau menasihati kepada artis-artis baharu supaya tidak terlalu meminta-minta ataupun "demand".<br>- Kenangan paling manis dalam hidup beliau adalah apabila dipertemukan dengan suaminya. |
| 52:01-58:08<br>59:27 – 1:00:35 | **PERBEZAAN LAGU:**<br>- Lagu pada zaman beliau, mudah dihafal dan mudah untuk dinyanyikan. Bait-bait liriknya juga mempunyai maksud sama ada tersurat ataupun tersirat. |

| | |
|---|---|
| | - Lagu pada zaman sekarang pula bagi beliau, sangat sukar untuk dihafal dan kualiti liriknya itu agak kurang.<br>- Beliau juga menambah, artis-artis baharu ini lebih "demand" berbanding artis pada zaman beliau. |
| 58:08 - 59:27<br>1:03:12 – 1:05:39<br>1:31:58 – 1:39:52<br>1:47:44 – 1:52:15 | **PERBEZAAN ARTIS DULU DAN SEKARANG**<br>- Beliau menyatakan bahawa artis dahulu perlu berusaha sendiri jika ingin memakai pakaian yang cantik berbanding dengan artis sekarang dimana mereka hanya ditaja.<br>- Beliau menyatakan bahawa artis lama mempunyai semangat yang tinggi apabila dipanggil untuk sebarang majlis.<br>- Beliau menyatakan bahawa artis sekarang tidak hormat artis yang lama<br>- Beliau menyatakan bahawa artis sekarang mempunyai ego dan perasaan riak<br>- Artis baru menaikkan diri menggunakan kontroversi |
| 1:07:55 – 1:13:40 | **PERKEMBANGAN BELIAU PADA KETIKA INI**<br>- Beliau menyatakan bahawa beliau pernah menjahit.<br>- Beliau turut menyatakan bahawa beliau turut membuka kedai makan tetapi hanya separuh jalan kerana |

| | |
|---|---|
| | tidak cukup kakitangan dan kurang faham tentang IT.<br>- Beliau turut dipanggil untuk menyanyi di beberapa majlis. |
| 1:14:47 – 1:22:38 | **PERMULAAN DALAM BISNES**<br>- Mendapat idea daripada orang sekeliling.<br>- Menggunakan diri sebagai model bsines beliau.<br>- Mendapat dorongan daripada keluarga sendiri.<br>- Mendapat rekomendasi daripada kawan-kawan untuk membuat laksa johor. |
| 1:22:38 - 1:26:24 | **SEBAB TIDAK MENERUSKAN KERJAYA SEBAGAI PENYANYI**<br>- Beliau menyatakan bahaw beliau bukan berhenti tetpi tidak mendapat panggilan untuk membuat persembahan nyanyian. |
| 1:26:24 – 1:29:48 | **ANUGERAH YANG DIPEROLEH**<br>- Beliau menyatakan beliau selalu mendapat kedudukan dalam setiap pertandingan<br>- Mendapat peluang pergi ke luar negara.<br>- Mendapat tempat pertama dalam inter school talent time |
| 1:29:48 – 1:31:58 | **SUMBANGAN KEPADA INDUSTRI SENI DI MALAYSIA**<br>- Beliau menyatakan bahawa beliau menjadi penyanyi |

# GLOSARI

**B**

| | |
|---|---|
| Bakat TV | Sebuah program realiti TV yang dianjurkan oleh RTM pada tahun 1970an |
| Bajet | Belanjawan |
| Berkahwin | Bernikah |
| Bertanding | Berlawanan, beradu (kuat, pandai, dll) |

**C**

| | |
|---|---|
| Cara | Gaya atau kaedah |

**D**

| | |
|---|---|
| Duet | Berpadu suara (dua orang) menyanyikan sebuah lagu |

**F**

| | |
|---|---|
| Fotogenik | Menarik (cantik, manis, sesuai) di dalam foto |

## 8.0 INDEKS

**A**

Arif 11, 13

Artis 4, 12, 14, 16, 18

Artis Veteran 18

Alhamdulillah 5

Assalamualaikum 1

**B**

Bakat TV 2, 3, 4

Bajet 10

Berkahwin 5

Bertanding 3,4

**C**

Cara 2, 5, 6, 7, 8, 9, 14, 15, 17

**D**

Duet 11, 12

**F**

Fotogenik 13

# BIBLIOGRAFI

Oral History Association. 2021. *Oral History: Defined.*

Available at: https://www.oralhistory.org/about/do-oral-history/

Ipl.org. 2021. *Advantages and Disadvantages of Oral History 778 Words4 Pages.*

Available at: https://www.ipl.org/essay/Advantages-And-Disadvantages-Of-Oral-History-FCRC8ASCKXG#:~:text=One%20of%20which%20is%20an,one%20persons%20point%20of%20view.

Farihad Shalla Mahmud & Serimah Mohd Sallehuddin (2021). Artis veteran susut nilai. BH Online. Diakses pada 13 November 2021, daripada

https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai

Kkmm.gov.my. 2021. *DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK MALAYSIA.*

Available at: https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/dasar_industri_muzik.pdf

AZIZ ITAR, A. B. D. (2011). *Utusan Online - Keluarga.* Akhbar Utusan. Retrieved November 5, 2021, from http://akhbar-utusan.blogspot.com/2011/06/utusan-online-keluarga_10.html

## 10.0 LAMPIRAN

### 10.1 BIOGRAFI TOKOH



| | |
|---|---|
| **Nama** | **Shareefah binti Ibrahim** |
| **Tarikh lahir** | **14 Oktober 1954** |
| **Tempat lahir** | **Kampung Datok Keramat** |
| **Alamat** | **No 16 Taman Rashidah Utama, 70450, Senawang, Negeri Sembilan.** |
| **No. Telefon** | **016-3649282** |

# SURAT PERJANJIAN

### 10.3 SENARAI SOALAN

**SOALAN ORIENTASI**

a) BOLEHKAH PUAN MENCERITAKAN SERBA SEDIKIT TENTANG LATAR BELAKANG DIRI PUAN?

1. Siapakah nama sebenar puan?

2. Dimanakah tempat asal puan?

3. Bilakah puan dilahirkan?

4. Dimanakah puan dilahirkan?

5. Apakah nama gelaran puan dalam keluarga?

6. Bilakah puan berkahwin?

7. Dengan siapakah puan berkahwin?

8. Mempunyai berapa cahaya mata?

b) LATAR BELAKANG KELUARGA PUAN?

1. Siapakah nama ibu puan?

2. Siapakah nama bapa puan?

3. Berapakah bilangan adik beradik?

4. Puan anak keberapa?

5. Siapakah adik beradik puan yang turut berkecimpung dalam bidang seni?

c) BAGAIMANAKAH PUAN BERKENALAN DENGAN SUAMI PUAN?

d) BOLEH PUAN ZALIFAH CERITAKAN KEPADA KAMI SERBA SEDIKIT TENTANG LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PUAN?

1. Peringkat pelajaran

2. Bersekolah rendah di mana?

3. Apakah nama sekolah rendah tersebut?

4. Bersekolah menengah di mana?

5. Apakah nama sekolah menegah tersebut?

6. Melanjutkan pelajaran ke mana?

7. Bidang apa yang diceburi?

## SOALAN LAZIM

a) BOLEHKAH PUAN BERKONGSI DENGAN KAMI, BAGAIMANA TERLIBAT DALAM DUNIA INDUSTRI DI MALAYSIA?

1. Bagaimana puan boleh menceburi bidang ini?

2. Siapakah yang mengenalkan puan kepada industri ini?

3. Siapakah yang membawa masuk puan dalam industri ini?

4. Pada tahun bila puan menceburi bidang ini?

5. Sehingga tahun berapa?

6. Puan bekerja sebagai apa sebelum bergelar artis?

7. Mengapakah puan lebih memilih industri nyanyian berbanding dengan industry-industri seni lain?

8. Siapakah yang memotivasikan puan untuk terus meneruskan kerjaya sebagai penyanyi ketika itu?

9. Siapakah yang menjadi pendorong puan untuk capai perkara ini?

10. Siapakah idola yang puan kagumi?

b) KAMI INGIN MEMINTA PANDANGAN PUAN ANDAI TIDAK KEBERATAN TENTANG INDUSTRI MUZIK TANAH AIR

1. Apakah pandangan puan tentang bidang nyanyian ini? Sama ada boleh pergi jauh atau tidak. Dan mengapa?

2. Apakah pandangan puan mengenai bidang nyanyian pada masa ini?

**SOALAN SPESIFIK**

a) BOLEHKAH PUAN KONGSIKAN KEPADA KAMI PENGLIBATAN AWAL PUAN DALAM DUNIA SENI?

1. Apakah judul lagu pertama?
2. Lagu tersebut mengisahkn apa?
3. Berapakah bayaran yang diterima?
4. Siapakah composer/penulis lirik untuk lagu tersebut?
5. Apakah album pertama?
6. Kolaborasi dengan siapa?
7. Siapakah orang yang mengesyorkan untuk membuat album pertama?
8. Sejak bilakah puan mula menyanyi?

b) SIAPA YANG MEMBERI DORONGAN DAN SEMANGAT KEPADA PUAN UNTUK MENYANYI PADA KETIKA ITU?

c) SEBELUM TERLIBAT DALAM NYANYIAN, ADAKAH PUAN TERLIBAT DALAM MANA-MANA UJIBAKAT SENI?

1. Di manakah tempat ujibakat tersebut?
2. Bilakah waktu ujibakat tersebut dijalankan?
3. Apakah perasaan puan pada ketika itu?
4. Siapakah yang menjadi juri pada ketika itu?
5. Adakah artis lain pada ketika itu bersama-sama dengan puan dalam sesi ujibakat tersebut?

d) ADAKAH PUAN PERNAH TERLIBAT DALAM PENGGAMBARAN LAKONAN?

e) ADAKAH PUAN MASIH MENERIMA JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT PERSEMBAHAN?

f) BOLEHKAH PUAN MEMBERIKAN SEDIKIT PANDANGAN TENTANG ADAKAH WUJUDNYA PERBEZAAN LAGU PADA ERA PUAN DAN ZAMAN SEKARANG?

1. Apakah perbezaan antara lagu pada masa dahulu dengan lagu pada zaman ini? Kenapa?

2. Apakah perbezaan artis dulu dan sekarang? Kenapa?

3. Apakah perbezaan industri musik tanah air pada zaman dulu dan sekarang? Kenapa?

4. Bagaimanakah kualiti muzik yang dihasilkan oleh penyanyi pada zaman dulu dan zaman sekarang? Kenapa?

5. Bolehkah puan berkongsi dengan kami tentang album-album puan?

6. Berapakah album yang dihasilkan?

7. Apakah album yang digilai ramai?

8. Apakah lagu yang memberi kesan yang paling mendalam pada puan?

g) BOLEH PUAN CERITAKAN PENGALAMAN MANIS PUAN SEPANJANG PERJALANAN KARIER PUAN?

1. Apakah pengalaman yang paling pahit kehidupan puan yang tidak dilupakan?

2. Kenangan pahit bersama penyanyi yang puan pernah berkerja?

3. Kenangan pahit bersama krew penghasilan sesebuah album yang puan pernah berkerja?

h) PENGALAMAN PUAN SEPANJANG DALAM INDUSTRI MUZIK MALAYSIA?

1.Pengalaman yang diperoleh semasa bergelar penyanyi?

2. Pengalaman sebelum menceburi bidang nynyian?

3. Pengalaman selepas menceburi bidang nyanyian?

i) APAKAH PULA KENANGAN MANIS DALAM KEHIDUPAN PUAN YA?

1. Apakah pengalaman yang paling manis kehidupan puan yang tidak dilupakan?

2. Kenangan manis bersama penyanyi yang puan pernah berkerja?

3. Kenangan manis bersama krew penghasilan sesebuah album yang puan pernah berkerja?

j) APAKAH PERKEMBANGAN PUAN PADA KETIKA INI?

k) SETELAH TERLIBAT DALAM BIDANG SENI, ADAKAH PUAN MELAKUKAN PEKERJAAN YANG LAIN?

1. Mungkin puan ada melakukan bisnes?

2. Bisnes apa ya puan? Boleh kongsikan?

l) BAGAIMANA PUAN MENCORAK LANGKAH DALAM BIDANG BISNES PADA KETIKA ITU?

m) BOLEHKAH PUAN MENCERITAKAN TENTANG BISNES YANG SEDANG PUAN JALANKAN?

n) APAKAH YANG MENJADI ASPIRASI PUAN UNTUK JEBAKKAN DIRI DALAM BISNES PADA KETIKA ITU?

o) SIAPAKAH YANG MEMBERI DORONGAN DAN SEMANGAT KEPADA PUAN UNTUK MELAKUKAN BISNES ITU?

p) MENGAPAKAH PUAN TIDAK MENERUSKAN KERJAYA SEBAGAI PENYANYI?

q) SEPANJANG PENGLIBATAN PUAN DALAM INDUSTRI, BOLEHKAH PUAN KONGSIKAN KEPADA KAMI ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN YANG PUAN PEROLEH?

1. Apakah anugerah yang pernah puan peroleh?

2. Apakah yang menyebabkan puan memperoleh anugerah tersebut ya?

3. Pada tahun bilakah puan terima anugerah itu?

4. Siapakah yang menyampaikan anugerah tersebut?

5. Dimanakah puan memperolehi anugerah tersebut?

r) MUNGKIN PUAN BOLEH KONGSIKAN, APAKAH SUMBANGAN PUAN TERHADAP INDUSTRI SENI DI MALAYSIA?

1. Apakah sumbangan puan dalam industry seni/nyanyian tersebut?

s) HARAPAN PUAN UNTUK INDUSTRI SENI TANAH AIR KITA?

1. Apakah genre lain yang menjadi impian puan untuk dinyanyikan yang belum tercapai?

2. Apakah harapan puan dalam industry nyanyian hari ini?

t) JIKA DIBERI PELUANG, ADAKAH PUAN INGIN MENYERTAI MANA-MANA PROGRAM NYANYIAN?

Soalan Tambahan:

1. PENDAPAT PUAN, KENAPA TIMBUL ISU YANG MUDA TIDAK MENGHORMATI YANG VETERAN?

2. WAJARKAH PROGRAM SEPERTI GEGAR VAGANZA DAN KILAUAN EMAS DIADAKAN?

3. APA PENDAPAT PUAN TENTANG ARTIS YANG TERKENAL DISEBABKAN KONTROVERSI?

4. SEWAKTU PKP, APAKAH PENDAPATAN ARTIS-ARTIS VETERAN INI?

Surat:

Zalifah Ibrahim

Seremban

Khalilul Nishad bin Abdullah (2019475882) (011-27379487)

Shah Nurfikrie bin Baharudin (2019256498) (017-2366517)

## 10.4 DIARI PENYELIDIKAN

**10/10/21**

Pensyarah kami, madam Siti Noorsiah menerangkan berkenaan kerja kursus kami.

**11/10/21**

Pencarian artis bermula iaitu Rosyam Nor.

**12/10/21**

Berjaya menghubungi Personal Assistant (PA) beliau, tetapi Rosyam Nor sangat sibuk.

**13/10/21**

- Mempunyai sesi Google Meet bersama pensyarah kami.
- Beliau memberikan kepada kami template untuk membuat proposal.

**20/10/21**

- Sesi Google Meet bersama madam.
- Madam mengajar cara untuk membuat soalan temu bual.

**26/10/21**

- Sesi consult proposal bermula.

**27/10/21**

- Kami berjumpa dengan madam untuk consult questionnaire.

**10/11/21**

- Mencari artis baharu untuk ditemu ramah.

**11/11/21**

Mendapatkan kontak Puan Zalifah Ibrahim, dan akhirnya beliau bersetuju.

**14/11/21**

- Hantar proposal.

**18/11/21**

- Hantar questionnaire.

**2/12/21**

- Madam bagi file penulisan artikel.

**15/12/21**

- Menyiapkan transkrip

**9/1/22**

- Hantar transkrip

## 10.5 GAMBAR DAN BAHAN LAIN BERKAITAN



